# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 34 | RABU 26HB OGOS, 1981. | رابو 25 شوال 1401 | PERCHUMA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika melafadzkan titah di-Istiadat Mengadap, di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait.

## KEMAJUAN NEGARA BERGANTONG KAPADA KEJUJORAN RAAYAT

KUALA BELAIT. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mengingatkan semua raayat dan pendudok di-daerah ini terutama pegawai2 dan kakitangan kerajaan supaya akan terus berusaha pada menchapai dan meneruskan kemajuan2 dalam beberapa lapangan perusahaan, kemasharakatan dan perdagangan demi untok kebaikan negeri ini khusus-nya daerah ini jua.

### BOKTI YANG NYATA

Kemajuan2 yang terus di-chapai dalam bidang ini, titah Baginda ada-lah satu bokti yang nyata bahawa raayat dan pendudok di-daerah ini benar2 menchintai Negeri Brunei ini yang akan menambahkan lagi keamanan dan kemakmoran negeri ini.

### TEMPAT BERSANDAR

"Maju mundor-nya sa-sebuah negeri itu ada-lah bergantong kapada kejujoran raayat dan pendudok-nya yang mana berkehendakkan laila pimpinan oleh pegawai2 kerajaan kerana kapada pegawai2 kerajaan yang berusaha dengan keredhaan Allah-lah tempat raayat dan pendudok di-sasebuah negeri itu bersandar untok mendapatkan pimpinan dan tunjok ajar," titah Baginda Yang Dipertuan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian di-Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Keshukoran sempena Hari Keputeraan Baginda kali ke-35 tahun yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada hari Ahad lepas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah juga menyeru pegawai2 kanan kerajaan di-daerah tersebut supaya akan terus menjalankan tugas2 mereka dengan amanah dan jujor dan sentiasa akan mengambil berat pada melaksanakan tanggong-jawab dan kewajipan itu bagi kebajikan seluroh negeri ini.

### AKAN LEBEH MAKMOR

"Insha Allah dengan ada-nya usaha Awang2 dan Dayang2 itu akan membawa negeri Brunei Darussalam termasok Daerah Belait ini pada satu keadaan yang lebeh makmor yang sama2 kita hajati," titah Baginda salanjut-nya.

Lihat muka 20

## Raayat di-seru: Sunggoh2 menjayakan usaha2 yang berkebajikan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mengingatkan kapada raayat dan pendudok dinegeri ini supaya bersunggoh-sunggoh pada menjayakan apa2 jua usaha2 yang di-jalankan demi untok kebajikan dan kesejahteraan Negeri Brunei Darussalam.

Dengan ada-nya usaha2 yang berkebajikan itu, titah Baginda, Negeri Brunei akan terus menchapai kemajuan yang chemerlang dalam apa2 jua bidang baik dalam bidang perniagaan, perusahaan dan pertanian.

Bertitah dari Dewan Kemasharakatan di-Daerah2 Tutong dan Temburong di-Istiadat Mengadap dan menyembahkan keshukoran sempena Hari Keputeraan Baginda kali yang ke-35 tahun pada minggu lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterus-nya mengingatkan :

"Ada-lah mustahak bagi raayat dan pendudok yang benar lagi taat setia menurut perentah2 dan peratoran2 negeri ini yang di-redhai oleh Allah s.w.t. pada menjayakan usaha2 tersebut."

Untok menyumbangkan sa-penoh-nya tenaga mereka dengan jujor dan bersunggoh-sunggoh demi untok menchapai kejayaan, Baginda Yang Dipertuan sa-lanjut-nya menyeru raayat dan pendudok2 di-negeri ini supaya memberikan kerjasama pada Kerajaan Baginda.

### JUJOR DAN AMANAH

Kapada pegawai2 dan kakitangan Kerajaan Baginda pula, Baginda Yang Dipertuan mengingatkan supaya mereka akan sentiasa menunjokkan yang mereka menjalankan tugas2 itu dengan jujor dan amanah semata-mata untok kebaikan Negeri Brunei Darussalam yang kita chintai ini.

"Mereka hendak-lah menjalankan tugas dengan sempurna tanpa mengira waktu dan penat lelah dan hendak-lah sentiasa bersedia untok di-hubongi oleh raayat yang memerlukan apa2 jua pertolongkan kerana Allah," titah Baginda.

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dengan di-iringi oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Suni, berangkat ka-Majlis Santapan yang di-adakan di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis.

### Manis-nya Iman

ABDULLAH bin Mas'ud (r.a.) mencheritakan bahawa Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sasunggoh-nya sa-sudah saya wafat, akan berlaku beberapa hal dan perkara yang tidak kami ingini." Maka para sahabat yang mendengar pun berkata: "Wahai Rasulullah! Bagaimana perentah tuan kapada siapa di-antara kami yang menyempati hal itu?" Baginda Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Hendak-lah kamu tunaikan hak yang di-pertanggongkan ka-atas kamu dan kamu tuntut-lah hak yang di-untokkan bagi kamu." — HADITH Nabi, di-persepakati oleh Bukhari dan Muslim.

## Berkhidmat dengan jujor dan penoh dedikasi — titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menyeru guru2 terutama sekali yang terdiri dari raayat Brunei supaya akan terus berkhidmat dengan jujor dan penoh dedikasi serta menunjokkan pembawaan yang sempurna bertata-tertib pada sa-tiap masa.

Baginda bertitah, kemajuan negeri ini dalam segala bidang di-masa2 akan datang ada-lah bergantong kapada usaha2 guru2 pada memberikan pendidekan yang sempurna kapada murid2 yang bakal menjadi warga negara yang berkelibar serta berdedikasi terhadap Negeri Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di-majlis keshukoran sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-35 tahun anjoran Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) yang di-adakan di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis di-sini pada malam Ahad 22hb Ogos yang lepas.

Di-majlis tersebut, Baginda Yang Dipertuan sekali lagi mengingatkan guru2 supaya mengasoh dan mendidek anak2 negeri untok menanamkan dan memupok semangat chintakan Raja dan negara dan chintakan keamanan, ketenteraman, kemakmoran, kebahagiaan dan kemajuan Negeri Brunei yang sama2 kita chintai ini dengan keredhaan Allah s.w.t. jua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyatakan terima kaseh Baginda kapada Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei kerana bersusah payah pada mengadakan majlis meraikan Hari Ulang Tahun Puja Usia Baginda Kali yang ke-35 tahun.

Majlis pada malam itu telah di-mulakan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awang Kula bin Muhammad dan di-ikuti dengan sembah keshukoran daripada Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Suni bin Haji Idris.

Ini kemudian-nya di-ikuti oleh persembahan Nashid oleh Kumpolan Nashid Nisaul Ummah, Persatuan Perangkap dan majlis di-akhiri dengan bachaan do'a selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.

Turut berangkat ka-majlis itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta kerabat2 Diraja yang lain.

Hadhir sama di-majlis itu ia-lah TYT Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson, Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat serta pegawai2 Kanan Kerajaan yang lain.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

26HB OGOS, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# PENGLIBATAN KITA DALAM BIDANG2 ANTARABANGSA

PELUANG nampak-nya semakin terbuka luas untok kita memasoki berbagai2 kegiatan melalui berbagai nama pertubohan yang berchorak antarabangsa dari yang berunsorkan kegiatan2 pentadbiran, pelajaran, ekonomi hingga-lah berbagai chabang dalam sosial termasok pertubohan2 sukarela, belia dan kegiatan2 berbagai bidang dalam sokan.

Di-antara semua itu, ada yang sudah bergerak begitu lama dan di-terima menjadi ahli dalam pertubohan2 antarabangsa yang menunjokkan bahawa kita sudah serba-sedikit mempunyai pengalaman di-bidang antarabangsa itu. Melalui pengalaman2 ini, sudah barang tentu kita dapat merasa akan faedah2-nya yang antara-nya ia-lah bahawa kita dapat memerhati akan keadaan dan chara orang lain dalam kehidupan dan tindak-tandok mereka. Sekurang2-nya kita dapat serba sedikit keuntongan dan melalui kebijaksanaan memproses-nya, maka faedah2 untok kita itu ada-lah tidak dapat di-nafikan.

Dari sudut lain bahawa penglibatan kita di-bidang antarabangsa itu, sama ada di-sedari atau tidak, bahawa kita sudah memperkenalkan negara kita kapada luar. Justru itu, sa-bagaimana kita memerhati orang lain, maka orang lain itu juga memerhati kita. Maka di-sini-lah nampak dan ketara benar berat-nya tanggong-jawab kita bilamana kita berada dalam lingkongan orang lain itu. Maka kena-lah kita menjaga dan mengawal diri sa-ketat mungkin, kerana prestasi negara kita akan di-nilai melalui diri kita yang berada dalam lingkongan di-mana kita menghadhirkan diri itu. Apa pun chara-nya kita menghadhirkan diri itu, maka bila di-ketahui yang kita datang dari negeri ini, maka orang akan lebeh mengenali nama negeri dari nama kita sabagai individu itu. Orang akan mudah lupa akan nama diri kita, tetapi nama negara tidak akan mudah di-lupakan. Maka itu, sama ada mahu atau tidak mahu, maka kita tidak dapat lari dari menyedari hakikat tanggong-jawab kita untok mengharumkan lagi prestasi nama baik negara kita itu.

Dan kerana keharuman nama negara kita itu juga akan lebeh ramai lagi orang2 luar untok datang ka-negeri ini dan melihat sendiri akan keadaan negara kita. Kita yakin bahawa tidak saja keindahan pemandangan dan tempat2 yang tertentu saja yang menarek minat orang2 luar itu, tetapi orang2 yang berada di-keliling mereka juga tidak kurang-nya dari menarek perhatian mereka. Tindak-tandok kita akan menarek perhatian mereka dan tata-tertib kita juga akan di-jadikan ukoran.

Di-sini-lah kita bertanggong-jawab itu dan di-sudut ini tanggong-jawab itu tidak mengira siapa, bahkan menyeluroh. Tentu-nya kita sama2 menyedari hakikat ini dan kerana itu-lah kita yakin yang nama baik kita itu akan terus mewangi di-mana2 saja.

# "TANGIBLE DAN INTANGIBLE" FAKTOR MENENTUKAN KEGAGALAN ATAU KEJAYAAN DALAM PERNIAGAAN

**DARI uchapan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-Majlis Penutop Kursus Kewangan untok peniaga2 bumiputera anjoran Malayan Banking Berhad, pada 20hb Ogos yang lalu.**

KITA bershukor ka-hadhrat Allah subhanahu wata'ala kerana dengan izin, limpah dan kornia-nya jua maka kita dapat bersama-sama hadhir di-majlis yang penoh berkebajikan ini. Setinggi-tinggi terima kaseh kapada Awang Haji Zainal bin Lamdin, Pengurus Malayan Banking Berhad, atas penghormatan yang beliau berikan ini yang mana tidak mudah akan saya lupakan. Setinggi-tinggi tahniah di-uchapkan bagi semua peniaga2 Melayu yang menyertai kursus ini dari awal hingga berakhir-nya. Saya berharap dan berdo'a semoga mereka semua akan memperolehi menafa'at yang di-hajati dan seterus-nya segala usaha perniagaan yang mereka laksanakan akan mendapat keredhaan daripada Allah subhanahu wata'ala jua.

Sa-bagai peniaga2 yang sudah lama berkechimpong di-dalam 'alam perniagaan, Awang2 dan Dayang2 memang menyedari bahawa untok menchapai sa-suatu itu memerlukan usaha2 yang gigih yang berasaskan kapada sikap tahan lasak dan berkeperchayaan penoh terhadap kesanggupan diri sendiri. Sama ada usaha2 kita di-dalam dunia perniagaan itu menempoh kejayaan yang chemerlang atau kegagalan yang merungsingkan ada-lah bergantong kapada faktor2 yang tertentu yang berupa "tangible" dan "intangible".

## PINJAMAN

Antara faktor2 yang "tangible" ia-lah keperluan2 berniaga saperti modal dan lain2-nya. Dan di-dalam hubongan ini saya berasa amat sukachita untok menyatakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei baru2 ini dengan sukachita-nya telah pun berkenan supaya jumlah maksima pinjaman di-bawah skim pinjaman untok peniaga2 kechil dan sederhana yang sedang berjalan pada masa ini di-naikkan dari $250,000 kapada $500,000. Ada-lah di-harapkan lebeh ramai lagi peniaga2 Melayu di-negeri ini akan munchol dan mara ka-hadapan dengan usaha2 perniagaan masing2 sapertimana yang sentiasa di-hajati.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selain daripada kemudahan kewangan di-bawah skim pinjaman yang ada juga akan sentiasa menimbangkan pada menyediakan kemudahan2 lain yang bersesuaian serta dorongan dan galakan yang di-fikirkan berpatutan pada memupok dan memajukan lagi satu golongan peniaga2 Melayu yang gigih berusaha, tahan lasak dan menaroh penoh keperchayaan terhadap kesanggupan mereka masing2 selain daripada kesanggupan rumpun bangsa-nya.

## KEJAYAAN

Selain daripada faktor2 yang "tangible", faktor2 yang "intangible" juga tidak kurang penting-nya pada menentukan sama ada sa-suatu usaha berniaga kita itu menempoh kejayaan atau kegagalan. Di-dalam hubongan ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga tidak ketinggalan pada mengadakan bantuan2 yang tertentu termasok-lah mengadakan kursus pengurusan bagi peniaga2 Melayu di-negeri ini. Terdahulu daripada kursus kewangan ini saya perchaya yang Awang2 dan Dayang2 maseh ingat akan penyertaan sa-bahagian daripada Awang2 dan Dayang2 di-satu kursus pengurusan yang di-uruskan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi pada penghujong tahun 1980 yang lalu.

Pendek-nya, sama ada keperluan2 peniaga2 Melayu itu "tangible" atau pun "intangible" maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan akan sentiasa menyediakan kemudahan2 yang bersesuaian bagi-nya, yakni setakat mana ia-nya di-fikirkan berpatutan.

Tetapi, lebeh2 penting lagi, masa-nya sudah tiba bagi bantuan2 kerajaan kapada peniaga2 Melayu di-gimbarkan dengan bantuan2 sektor swasta, khusus-nya bantuan2 daripada sharikat2, pertubohan2 dan peniaga2 bukan Melayu. Pehak2 yang berkenaan tentu-nya mengetahui bahawa ketiadaan langkah sandar-menyandar, kerjasama dan saling memperchayai antara satu dengan lain keharmonian yang terdapat dalam bidang perniagaan akan terancham. Tambahan pula persediaan2 yang telah, sedang dan akan di-laksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memberikan kemudahan2 kapada golongan peniaga ada-lah di-hasratkan supaya peniaga2 tempatan akan dapat di-terima oleh peniaga2 luar yang sudah mempunyai kedudokan yang establish di-negeri ini dalam satu gabongan yang boleh mendatangkan keuntongan kapada kedua-dua belah pehak. Dalam konteks ini, ada-lah satu perkara yang tidak boleh di-nafikan bahawa peniaga2 bumiputera Brunei yang kebanyakan-nya baru sahaja hendak munchol dan belum sampai kapada perengkat yang stable, mempunyai kemundoran yang tertentu dalam beberapa jurusan, tetapi jangan-lah sampai kemundoran itu di-jadikan alasan sa-bagai satu helah untok menjauhkan diri dari mereka. Untok mengujudkan situasi harmoni dan "goodwill" dalam bidang perniagaan seharus-nya-lah mereka yang telah maju itu dan sudah dapat mengatasi kemundoran2 mereka melalui pengalaman yang sudah establish-ed memberikan bimbingan kapada peniaga2 bumiputera yang maseh lagi dalam proses pertumbohan dan bimbingan saperti itu mesti-lah di-sertai dengan keikhlasan dan kejujoran semata-mata untok tujuan berkerjasama antara satu dengan lain, itu-lah yang kita hasratkan. Kaum peniaga yang sudah establish-ed tentu-nya menyedari bahawa pengurusan perniagaan sekarang tidak akan lengkap kalau ia-nya semata-mata di-asaskan kapada "profit orientation" sahaja. Konsep "profit maximisation" mesti-lah di-selaraskan dengan environment sa-tempat.

## PERBELANJAAN

Saya kira pada membantu usaha2 kerajaan untok mengujudkan satu golongan peniaga2 Melayu yang di-hajati nampak-nya bukan-lah satu perkara yang sukar untok memenohkan-nya. Ia-nya juga nampak-nya tidak melibatkan perbelanjaan2 yang menyukarkan kapada pehak2 yang berkenaan. Apa yang benar2 di-perlukan pada menggimbarkan usaha2 kerajaan pada mengujudkan satu golongan peniaga2 yang viable ia-lah "muhibbah" atau "goodwill" yang bertambah dan berterusan terhadap pe- niaga2 Melayu di-nege ini. "Muhibbah" ata "goodwill" itu berma'an peniaga2 Melayu juga di beri peluang2 dan kesem patan yang saksama un tok ikut serta di-dalam ke giatan2 perengkat2 perniagaan yang tertentu. Kegiatan2 dan perengkat2 it termasok-lah menjadika peniaga2 Melayu wakil2 agent2 dan broker2 oleh peniaga2, sharikat2 ser pertubohan2 bukan Melayu yang berkenaan da mengadakan pasaran2 yang perlu bagi barang2 dan perkhidmatan2 me reka, pendek kata, pe niaga2 Melayu hendak lah mereka sifatkan sa bagai rakan sejawat me reka dalam perniagaan dan kemajuan neger ini. Seterus-nya ada-la di-harapkan golongan pe niaga2 luar itu akan men gunakan kemudahan2 d ngan sepenoh-nya, ya boleh di-perolehi di-neg ini yang mana ini term sok-lah menggunakan naga bumiputera Brun yang mempunyai kelay kan2 yang tertentu ya mana bilangan mereka i semakin bertambah da sa-tahun ka-setahun. D lam menggunakan tenag tempatan itu tidak-lah p la berpatutan kalau suka terlampau tinggi di-ken kan kapada mereka. Qua ty perkhidmatan mere hanya akan boleh di-suk sa-telah mereka di-beri p luang mengambil pengal man bekerja dan me jalani latehan di-dala atau pun di-luar nege pengambilan bekerja he dak-lah di-sertakan deng skim latehan saperti itu

## MUHIBBAH

Di-dalam konteks perlu nya "muhibbah" yang me ningkat terhadap penia ga2 Melayu dan usaha mereka itu-lah, maka-nya sumbangan Malayan Ban king Berhad pada meng adakan kursus kewanga ini sunggoh besar ma'ana nya. Saya menguchapka setinggi-tinggi terima kase kapada Malayan Bankin Berhad atas sumbanga mereka kapada usaha Kerajaan Kebawah Du Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan da Yang Dipertuan yang pen ting itu dan berharap aga peniaga2, sharikat2 da pertubohan2 yang la akan mengikut chont tauladan mereka dan me nggimbarkan usaha2 K rajaan Baginda di-dalan bentok2 yang sesuai da berkesan untok kepenting an2 mereka dan kepentin an negara.

Sekian, Wabillahi tau fik walhidayah, wassalam alaikum warahmatullah wabarakatuh.

# 1,508 ORANG BAKAL HAJI AKAN BERTOLAK DALAM 4 PENERBANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei mengumomkan sa-ramai 1,508 orang jemaah haji akan menunaikan fardhu haji ka-Mekah tahun ini. Jumlah ini ada-lah yang terbesar sa-kali sa-jauh ini, berbanding dengan tahun lepas sa-ramai 1,149 orang.

Jemaah2 haji itu akan bertolak dalam empat penerbangan ka-Jeddah melalui Singapura dengan kapal terbang yang di-sewa khas kepunyaan Sharikat Penerbangan Singapura SIA.

Rombongan pertama akan meninggalkan tanah ayer pada 14hb September jam 11.00 pagi dan di-jangka kembali ka-tanah ayer pada 20hb Oktober. Rombongan kedua pula akan bertolak pada 16hb September jam 11.00 pagi dan di-jangka kembali ka-tanah ayer pada 22hb Oktober.

## PERJUMPAAN UMOM

Sementara rombongan ketiga akan bertolak pada 19hb September jam 11.00 pagi dan di-jangka kembali ka-tanah ayer pada 25hb Oktober. Manakala rombongan ke-empat di-jadualkan bertolak pada 21hb September dan kembali ka-tanah ayer pada 27hb Oktober.

Sementara itu, Jabatan Hal Ehwal Ugama juga memberitahu bahawa satu perjumpaan umom bagi bakal2 haji akan di-adakan di-tiap2 daerah di-negeri ini sa-bagaimana jadual yang di-atorkan di-bawah ini.

Untok bakal2 haji di-Daerah Tutong perjumpaan itu telah di-adakan pada 21hb ini jam 8.00 pagi bertempat di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Pekan Tutong. Di-Daerah Belait ia-nya akan di-adakan pada 30hb ini bertempat di-Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait jam 9.00 pagi.

Manakala di-Daerah Temburong akan di-adakan pada 26hb ini mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Pekan Bangar. Sementara di-Daerah Brunei dan Muara ia-nya akan berlangsong pada 28hb ini juga bertempat di-Dewan Pusat Belia mulai jam 8.30 pagi.

Juruchakap jabatan itu, seterus-nya memberitahu, bahawa kursus haji yang sedang berjalan sekarang ada-lah di-teruskan mengikut jadual2 yang telah ditentukan terdahulu dari ini.

# 15 orang di-lantek sa-bagai Pegawai Perhubongan Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sulan Dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah melantek sa-ramai 15 orang Pegawai Perhubongan Haji bagi menyelaraskan dan melichinkan segala urusan jemaah2 haji Brunei yang akan menunaikan fardhu haji ka-Mekah tahun ini.

Mereka yang telah di-lantek itu ia-lah Awang Haji Besar bin Abu Bakar, Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah, Awang Hj Lamit bin Haji Ibrahim, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Damit, Awg Haji Masri bin Datu Haji Mohd Yussof, Awg Mohd Yussof bin Ismail, Awang Haji Metussin bin Haji Baki, Awangku Yussof bin Pengiran Kulla, Awang Hj Sabli bin Hj Metussin.

Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Awang Abdul Hamid bin Haji Tamat, Awang Haji Metussin bin Abdullah, Awang Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd Rahim, Awang Metussin bin Haji Ahmad dan Pengiran Haji Mohammad Hasan bin Pengiran Mohd Yassin.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan juga telah berkenan melantek sa-ramai 22 orang Pegawai Perubatan untok sama2 menyertai rombongan jemaah haji kita.

Mereka itu ia-lah: Dr Haji Shah Md Fazle Alam, Awang Ajak bin Serudin, Dayang Jamilah bte Salleh, Dayang Temah bte Senyut, Dayang Hajjah Ramlah bte Ibrahim, Awang Ahmad bin Tuah, Dayang Habibah bte Haji Hussin, Awang Maidin bin Iring, Pengiran Kahar bin Pengiran Haji Metali, Dayang Sorinah bte Abdullah.

Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Salleh, Awang Mastiah Mohd Eluan, Awang Zainal Abidin bin Idris, Dayang Kaisah bte Maidin, Dayang Mariam bte Abdullah, Dayang Salmiah bte Othman, Awang Bujang bin Harun, Dr Shaukat Zinna, Ak Zainal bin Pg Haji Daud, Dayang Zaharah bte Duraman, Dayang Munah bte Ahmad dan Awang Kamaluddin bin Ahmad.

# Perjumpaan Hari Raya

TEMBURONG. — Pegawai2 dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama di-daerah ini telah mengadakan majlis perjumpaan Hari Raya bertempat di-Masjid Mohammad Salleh di-sini baru2 ini.

Majlis itu di-hadhiri oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim yang juga telah menyampaikan uchapan. Beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan juga telah hadhir di-majlis tersebut termasok Pegawai Daerah Awang Zakaria bin Jeneh, Kadhi Daerah Awang Haji Besar bin Abu Bakar.

Di-akhir majlis itu Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Awg Haji Yahya telah menyampaikan sa-keping chek bernilai $2,541.20 kapada sa-orang muallaf Awg Nordin bin Abdullah. Derma tersebut ada-lah sumbangan dari Majlis Ugama Islam Brunei sa bagai bantuan untok beliau mendirikan rumah.

# Steshen minyak TIBA mulakan perniagaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah lagi steshen di-Daerah Brunei telah memulakan penjualan minyak petrol.

Steshen yang di-punyai oleh Sharikat Kerjasama Steshen Minyak Persatuan TIBA itu terletak di-Kampong Salambigar, Jalan Muara dan memulakan perniagaan-nya pada 20hb Ogos yang lalu.

Sharikat Kerjasama ini di-anggotai oleh lebeh dari 300 ahli.



GAMBAR atas ketika penghakiman ka-atas salah sa-orang peserta dalam Kumpolan 'B' di-jalankan sementara gambar bawah; Johan Kumpolan 'A', Dayang Renah Suzziezah bte Mohd Ali, sedang menerima hadiah kemenangan-nya dari isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Hjh Fatimah bte Haji Abd Rahim.



# *Peraduan Kanak2 Sehat di-Tutong*

TUTONG. — Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei Chawangan Daerah Tutong, buat kali ka-lima-nya telah mengadakan satu Peraduan Kanak2 Sehat pada hari Jumaat lepas, bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun bagi daerah itu.

Peraduan tersebut telah berlangsong di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-sini, dan telah di-sertai oleh kira2 70 orang kanak2 yang berumor di-antara empat bulan hingga dua tahun.

Pengerusi Peraduan Kanak2 Sehat, Dayang Sauyah bte Kura, dalam uchapan-nya telah menyatakan yang peraduan serupa itu di-lancharkan atas ujud-nya rasa kesedaran bahawa anak2 yang sehat jasmani dan rohani-nya ada-lah waris negara, dan juga harta atau perbendaharaan negara yang paling berharga dan berguna.

Menurut-nya lagi, sambutan yang menggalakkan dari kaum ibu dari sa-tahun ka-setahun juga memboktikan ada-nya kesedaran kaum ibu untok mengambil berat tentang kesihatan anak2 mereka menurut rawatan2 perubatan moden yang sesuai dengan zaman yang serba membangun.

Pertandingan pada hari itu Kumpolan A bagi kapada empat kumpolan, ia-itu kumpolan A bagi kanak2 yang berumor antara empat hingga lapan bulan, Kumpolan B bagi yang berumor antara lapan hingga 12 bulan, Kumpolan C bagi yang berumor 12 hingga 18 bulan dan Kumpolan D bagi kanak2 yang berumor 18 hingga 24 bulan.

Bagi kumpolan A di-menangi oleh Renah Suzziezah bte Mohd Ali, kedua di-menangi oleh Zulkifli bin Aziz Ja'afar, sementara tempat ketiga jatoh kapada Arifah bte Kusnun.

Dalam kumpolan B pula, tempat pertama di-sandang oleh Mohd Eddy Hajizulbahrin bin Marsal, kedua Shahrul bin Juna dan tempat ketiga di-menangi oleh Norhafizah bte Sahari.

Mohd Norizal bin Awang Jaya menjadi pemenang dalam kumpolan C, naib-johan ia-lah Mohd Cyrus bin Tarip, sementara tempat ketiga di-menangi oleh Nasrun Sumur Hakim Abd Talib. Dan pemenang dalam kumpolan D pula ia-lah Siti Marlina bte Marsal, kedua Elfy Hananie bte Mustafa, sementara pemenang ketiga ia-lah Raihan bte Haji Rosli.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Hjh Fatimah bte Hj Abd Rahim. Peraduan tersebut telah di-akhiri dengan bachaan Do'a Selamat oleh Dayang Hjh Tapnah bte Hj Metussin.

# Anggota2 AMDB berkursus

BERAKAS.—Beberapa orang lagi anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan berlepas meninggalkan negeri ini untok mengikuti berbagai kursus di-seberang laut.

Bertolak ka-Hongkong pada hari Jumaat ini ia-lah 4361 Perajurit Matali bin Yussof dan 5745 Perajurit Jamudin bin Sulaiman dari Battalion Pertama, 5202 LKpl Selamat bin Wagiman dan 5961 Perajurit Bohari Abd Rahman dari Battalion Kedua, serta 5782 LKpl Pg Md Tejuddin bin Pg Othman dari Kompeni RHQ, yang akan menjalani kursus Assistant Instructor Physical Training selama 10 minggu di-Hongkong Physical and Adventurous Training Centre, Kem Sek Kong.

Juga berlepas pada hari yang sama untok mengikuti kursus Pengadil Hoki di-Pusat Latehan tersebut ia lah 5848 LKpl Tahari bin Juhari dari Battalion Pertama dan 4109 SSgt Mohamad bin Ajma'ain dari Skuadron Kereta Perisai. Kursus bagi semua anggota2 ini akan bermula pada 1hb September depan.

Pasokan tersebut juga akan menghantar lima lagi anggota-nya bagi mengikuti kursus Asas Penerbangan, yang akan bermula pada 14hb September depan di-Sekolah Latehan Kommando, di-Republik Singapura.

Terpileh bagi mengikuti kursus sa-lama lebeh kurang sa-bulan itu ia-lah 5651 Perajurit Liwat bin Tikom, 5986 Perajurit Zahiri bin Sumil dari Battalion Pertama, 4260 Sgt Abd Ghani bin Arsah dan 5368 Perajurit Mohd Jamil bin Awg Jaya dari Skuadron Perahu Khas, dan 4514 Sgt Abd Hamid bin Hj Ahad dari Skuadron Jurutera Pengempor. Mereka ini akan berlepas ka-Singapura pada 7hb September depan.

# GERAKAN MENGHAPUSKAN ISLAM ( I )

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

PERKEMBANGAN Islam yang chepat dalam dunia ini telah memeranjatkan orang2 Nasrani, penganut2 faham kebangsaan dan perkauman, dan penganut2 ugama yang lain.

**SIRI KE-93**

Orang Nasrani telah melawan Islam dengan tujuan menghapuskan Islam dari muka bumi ini, tetapi mereka gagal pada sa-tiap kali melancharkan serangan terhadap Islam.

### Jalan2 Menentang Islam

Sa-telah musoh2 Islam mengkaji akan rahsia kekuatan Islam dengan teliti maka mereka berpendapat bahawa Islam itu tiada boleh di-hapuskan dengan senjata dan Atom. Sa-balek-nya mereka mendapat satu fikiran ia-itu hanya ada dua jalan untok melawan atau menentang Islam. Jalan Yang Pertama : Ialah bekerja terus menerus dengan chara2 dan usaha2 yang tertentu untok memasokkan orang2 Islam ka-dalam ugama Nasrani dan Keristian, atau sekurang2-nya memalingkan mereka dari Islam walau pun mereka tiada masok Nasrani.

Ada pun jalan yang kedua : Memukol Islam dari belakang atau dari dalam kelambu Islam sendiri iaitu dengan chara menghasut beberapa orang Islam yang telah rosak aqidah dan keperchayaan-nya atau lemah iman-nya supaya bergerak dalam Islam dengan menurut arahan daripada musoh2 Islam itu. Sa-tengah orang2 itu mengaku menjadi Tuhan, mengaku menjadi Nabi, mengaku menjadi Isa dan mengaku menjadi Mahdi dengan tujuan untok merosakkan aqidah orang2 Islam dan menyerapkan perasaan lemah untok berjihad di-jalan Allah, dan membatalkan ajaran Islam serta menyekat orang2 Islam dari balek semula pada ajaran Islam.

### Teknik Baharu Menentang Islam

Pergerakan melawan Islam telah bermula sejak mula berkembang-nya Kerajaan Islam, ketika terbit perasaan berpuak2 dan berkaum2 dan gerakan yang menghentam Islam atau yang mahu menyelewengkan ajaran Islam yang sa-benar, maka musoh2 Islam telah menghidupkan semula fikiran dan mazhab sesat dan kufur itu pada abad 19 ini, kemudian mereka dirikan gerakan2 menentang Islam dengan chara baharu serta munasabah dengan zaman sekarang saperti ada-nya mazhab Qadiniah dan Ahmadiah, Babiah dan Baha'iah, dan lain2 mazhab kufur yang bertujuan untok menjahanamkan Islam. Begitu juga mereka membuat di'ayah dan propaganda dengan berbagai-bagai chara bagi memasokkan suatu fikiran ka-dalam hati orang2 Islam bahawa ugama Islam lemah dan tiada bermaya pada menyaingi kehidupan zaman moden ini. Chara lain ia-lah merka mengajak orang2 Islam menumpukan pandangan semata2 pada kebendaan sahaja.

Sehyuniah (Zionism) pula berganding bahu untok merobohkan Islam dengan lain2 musoh Islam. Zionism telah melancharkan gerakan2 yang ada hubongan rapat dengan Sehyuniah saperti Masuniah (Free Masonry), Kelab Lion, Kelab Rotary dan lain2. Mereka mendirikan banyak chawangan di-merata alam ini, supaya menarek orang Islam yang lalai dan yang tidak faham akan maksud dan helah atau tujuan2 sa-benar pergerakan dan kumpolan2 itu.

### Kemenangan Islam

Walau bagaimana pun hebat-nya peperangan yang di-lancharkan ka-atas ugama Islam, namun ugama Islam tetap keluar dengan kemenangan dari segala serangan yang di-halakan oleh di'ayah Salibiah, Yahudiah, Ilhad dan lain2 dari mazhab yang kafir itu. Tanda2 kemenangan Islam itu nyata dan terang ia-itu Islam berkembang dalam kumpolan2 yang baharu, yang belum pernah Islam sampai ka-sana sa-belum itu bahkan perkembangan itu bersaing pula dengan perkembangan penjajahan Eropah Crusades (peperangan salib). Dalam hal ini Afrika ada-lah suatu mithal yang nyata bagaimana Islam itu berkembang di-sana. Begitu juga jelas-nya kebangkitan Islam yang ada sekarang, dan berkembang kebudayaan Islam yang tulin. Dari sini mulai-lah di-i'tibarkan Islam sa-bagai suatu perkara yang akan menentukan nabah-nya senjata2 moden sib umat Islam.

Malah dengan bertambah-nya senjata2 moden di-kalangan umat Islam dan bertambah pandai-nya orang2 Islam dalam ilmu Sains dan Teknoloji serta bertambah kukoh-nya ekonomi orang2 Islam saperti ada-nya minyak yang di-korniakan oleh Allah Ta'ala di-setengah2 negeri Islam, yang mana bahan ini di-perlukan oleh semua pehak termasok orang2 Barat dan Eropah sendiri yang telah pun maju dalam berbagai bidang itu, juga adalah suatu perkara yang susah hendak di-tolak bahawa jika tidak ada minyak dari negara2 Islam maka kemajuan yang mereka agong2kan itu mungkin akan tersekat atau terhenti, dan jika pun dapat di-teruskan neschaya mereka akan kelihatan saperti orang yang berjalan pichang.

### Tidak Mungkin Menjadi Kawan

Dengan faktor yang di-sebutkan di-atas, mula-lah umat2 lain menghormati umat Islam dan ingin menjadikan umat Islam sa-bagai kawan pada zahir-nya. Tetapi jika umat Islam sedar dan insaf dari rakaman sejarah yang lalu bahawa musoh aqidah tidak akan mungkin menjadi kawan sejati — maka Insha Allah umat Islam akan terselamat, tetapi jika umat lalai dan khayal maka itu-lah tanda-nya umat Islam akan di-hanchorkan oleh gula2 manis dari musoh2 Islam.

Mudah2an Allah akan memberi taufik dan ilham serta mengukohkan semangat jihad di-jiwa orang2 Islam untok menegakkan kalimah Allah di-dunia ini.

*WALLAHU A'ALAM*

(BERSAMBONG)

## Pemimpin WAMY melawat Brunei



BANDAR SERI BEGAWAN.— Sa-orang pemimpin Pertubohan Islam Sa-Dunia (WAMY) yang baru2 ini menghadhiri Khemah Pimpinan Belia di-Kuala Lumpur telah melawat ka-negeri ini. Beliau ia-lah Dr Abdalla Makki Sadig dari Sudan. Brunei juga telah menghantar wakil ka-perhimpunan itu, ia-itu Awang Roslee bin Omar dan Pengiran Badaruddin bin Pg Damit dari Majlis Belia-Belia Negeri Brunei.

Sa-masa dua hari berada di-negeri ini beliau telah sempat melawat Jabatan Hal Ehwal Ugama dan mendapat penerangan berhubong dengan pentadbiran serta ranchangan kemajuan ugama.

GAMBAR kiri kelihatan beliau sedang mendengar penerangan dari Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

# TAKUT

## Sifat yang terpuji dan berharga bila di-letakkan pada yang hak

ADA-LAH sangat mudah menyebut perkataan "takut", dan semua orang tahu apa ma'ana-nya. Dan ada pun makhlok manusia ini ada-lah suatu makhlok yang penakut, yang banyak takut.

Sifat takut ada-lah penting kapada manusia. Sifat takut akan menjadi terpuji dan berharga, jika ia-nya di-letakkan pada yang hak. Tetapi sa-balek-nya sifat takut juga akan menghinakan orang, jika ia-nya di-tempatkan pada bukan tempat-nya.

Bagi orang mu'min, sifat takut ada-lah menjadi sukat2 yang sangat bererti. Tetapi bukan-lah takut sa-barang takut, atau takut yang tidak berasas. Bahkan takut yang bermaana itu, ia-lah takut yang di-nilai dengan harga diri. Yang di-letakkan pada asas2 kebenaran dan hak.

Para malaikat, nabi2, sahabat2 dan tabien dan ulama2 Assalafus-saleh ada-lah orang2 yang penakut, *yang banyak takut*, yang banyak berendam ayer mata kerana takut. Mereka itu paling sedikit ketawa daripada menangis. Tetapi mereka bukan takut kapada makhlok, mereka hanya takut kapada Allah, takutkan azab Allah, takut kemurkaan Allah. Dalam riwayat daripada Aisah r.a.: Bahawa Rasulullah s.a.w. manakala Baginda itu melihat perubahan chuacha dan kemudian dari perubahan itu terjadi ribut, maka berubah-lah wajah Baginda. Bangun-lah Baginda sambil mundar mandir di-dalam bilek, keluar dan masok, sa-mata-mata kerana Baginda takutkan azab Allah. Malaikat Mikael tidak pernah ketawa semenjak di-jadikan neraka. Demikian juga di-dalam riwayat Ibnu Abid-Dunia: Bahawa bahkan semua para malaikat itu tidak ketawa semenjak di-jadikan neraka, sa-mata-mata kerana mereka takutkan kira-nya mereka di-azab di-dalam-nya.



### SEKSA ALLAH

Para ulama dan tabien dan ulama2 Assalafus-saleh pula bermacham-macham keadaan dan peringkat takut mereka itu. Ada di-antara mereka, oleh kerana terlampau takut akan seksa Allah, sa-hingga sampai membawa pengsan. Atau pun sa-tidak-tidak-nya mereka menangis saperti kanak2. Syedina Abu Bakar As-Siddek ada-lah sa-orang yang terlampau banyak menangis. Menurut riwayat Aisah r.a. bahawa Syedina Abu Bakar apabila membacha Al-Kor'an, beliau dalam tangisan. Begitu juga Syedina Umar bin Al-Khatab r.a. di-wajah beliau terdapat dua garis hitam, ia-itu kesan dari ayer mata yang sering mengalir. Pada hal, siapa-kah yang tidak kenal kapada Syedina Umar, sa-orang sahabat yang sangat di-takuti baik oleh lawan mau pun kawan Beliau di-takuti ada-lah kerana sikap-nya yang keras lagi berani. Ia tidak mengira bahaya dan pantang mengalah. Dia-lah orang yang mula2 sa-kali mempamerkan ibadat-nya di-mata orang2 kafir di-Mekah, sedang orang2 Islam yang lain pada masa itu maseh sembunyi2.

Tidak-lah salah jika kita katakan, bahawa di-dalam diri Syedina Umar terkumpol segala sifat2 keperwiraan, yang di-tambah lagi oleh sifat amanah dan adil yang tidak tertandingi. Beliau-lah perwira, pahlawan dan penguasa. Tetapi tahu-kah tuan2, Syedina Umar juga ada-lah sa-orang yang paling penakut, yang sentiasa merendah dan menghinakan diri di-hadapan Allah s.w.t. Dengan musoh, beliau tegak dan angkat muka, tidak mengenal tolak ansor, tetapi dengan Al-Kor'an Kalamullah, apabila membacha atau mendengar-nya, beliau lalu lembek dan lemah, oleh kerana takutkan Allah, takut akan azab Allah.

### PENGSAN

Di-riwayatkan, bahawa suatu masa beliau membacha surah Al-Takwir apabila sampai kapada ayat yang bermaana: "*Apabila chatetan2 amal perbuatan manusia di-buka*", maka beliau lalu jatoh dan pengsan. Demikian juga suatu riwayat lain tentang kejadian beliau melintas kawasan sa-buah rumah, sedang penghuni rumah tersebut pada ketika itu tengah sembahyang. Orang ini sedang membacha suatu ayat bermaksud: "*Sesunggoh-nya azab Tuhan mu itu pasti terjadi, tidak sa-orang pun yang dapat menolak-nya*". Mendengar ayat ini di-bacha, lalu Syedina Umar turun dari belakang kaldai yang di-naiki-nya, beliau tersandar di-tembok beberapa ketika lama-nya. Kemudian beliau pulang ka-rumah dan jatoh sakit sa-lama sa-bulan, ia-itu kesan daripada mendengar ayat Al-Kor'an tentang azab Allah Ta'ala. Beliau benar2 takut sa-hingga menyebabkan-nya sakit.

Di-tanyakan orang kapada Ibnu Abbas r.a. berkenaan dengan orang2 takut kapada Allah. Bagaimana-kah keadaan mereka itu? Menjawab Ibnu Abbas: "Hati2 mereka sentiasa terguris di-sebabkan takut, mata2 mereka menangis sambil mulut2 mereka berkata: Adohai! Bagaimana-kah kita akan bersukaria, sedang maut berada di-belakang dan kubor di-hadapan, dan hari kiamat telah di-janjikan kapada kita? Di-atas neraka jahanam jalan kita dan di-hadapan Allah tempat kita berdiri?

### KETAWA

Mengenai hal ini, ada suatu hikayat, bahawa Al-Hassanol Basri Rahmatullah pada suatu hari sedang lalu di-hadapan sa-orang pemuda yang maseh muda remaja. Pemuda tersebut masa itu sedang dudok2 bersama kaum-nya sambil ia ketawa dengan kuat dan terbahak-bahak. Melihatkan ini, Al-Hassanol Basri lalu bertanya kapada si-pemuda itu:

### ASSIRAT

"Wahai pemuda! ada-kah sudah engkau lalui as-sirat? (titian siratal mustakim). Menjawab pemuda itu: "Tidak".

Bertanya pula Al-Hassanol Basri: "Ada-kah engkau tahu ka-mana engkau berjalan sekarang, ka-shorga-kah atau ka-neraka-kah ?

Jawab pemuda itu: "Tidak! Saya tidak tahu".

Kalau begitu, kata Al-Hassanol Basri, apa-kah yang engkau ketahui?"

Demikian-lah sedikit gambaran tentang rupa takut para salehin, takut yang dudok di-hati, sa-hingga dengan takut yang demikian itu mendinding tuan-nya dari melakukan sa-barang munkarat dan maksiat. Itu-lah takut yang sa-benar2 takut.

Ada pun kebanyakan dari kita hari ini, meletakkan takut itu di-tempat-nya yang salah, bukan pada yang hak. Oleh kerana itu-lah perbuatan atau amalan orang sekarang bertentangan dengan perbuatan dan amalan orang dahulu. Orang dahulu berani terhadap musoh dan takut kapada Allah. Tetapi orang sekarang berani terhadap Allah dan kechut dengan musoh. Ada-pun bokti-bokti-nya tidak sukar di-chari, sangat jelas di-hadapan mata kita. Lihat sahaja di-sana sini ada munkarat, ada maksiat. Kata ugama ini tidak boleh tetapi orang buat juga. Siapa yang kata tidak boleh itu? Jawab-nya: Hukom. Dan hukom itu dari siapa? Jawab-nya daripada Allah. Jadi, melanggar hukom Allah itu bukan-kah maana-nya sama dengan melawan Allah? Orang penakut tidak melawan, hanya orang berani saja-lah yang melawan.

Kita berharap mudah-mudahan kiasan ini ada faedah-nya bagi orang2 yang mengharapkan petunjok Allah.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26hb Ogos, 1981 hingga ka-hari Selasa 1hb September, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26hb Ogos | 12.26 | 3.45 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 27hb Ogos | 12.26 | 3.45 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 28hb Ogos | 12.26 | 3.45 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 29hb Ogos | 12.26 | 3.45 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 30hb Ogos | 12.26 | 3.45 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 31hb Ogos | 12.26 | 3.45 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 1hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Gunakan ilmu untok kepentingan dunia dan akhirat

O Bingkisan minggu ini

PADA zaman sekarang ini kehidupan kita sering mengalami perubahan demi perubahan, baik perubahan itu berlaku sa-chara beransor-ansor atau sa-chara mendadak. Di-antara perubahan yang sangat2 kita ambil perhatian khusus-nya untok kesejahteraan kehidupan kita sa-hari2 ia-lah perubahan dalam lingkongan soal2 keperchayaan kapada Allah. Keperchayaan kapada Allah tidak-lah terhad hanya dalam lingkongan unsor2 ketuhanan, tetapi ia-nya meliputi sa-genap aspek keperchayaan yang membawa kapada keredhaan Allah di-dunia dan akhirat. Ini termasok-lah keperchayaan kapada Rukun2 Islam yang lima dan Rukun2 Iman yang enam.

### MENELITI

Dalam perkara ini-lah kita wajib meneliti akan hakikat yang sa-benar2-nya — tidak hanya dengan ikut-ikutan, kerana di-khuatiri jika segala penuntutan kita itu hanya berbau ilmu keduniaan sa-mata2 dan orang yang mengembang-biakkan ilmu itu hanya untok kepentingan diri-nya di-dunia ini sahaja.

Ini-lah perubahan yang kita takuti akan menular sa-hingga membawa diri kita kapada orang2 yang jauh dari nekmat Allah, sapertimana sabda Rasulullah s.a.w., dalam Hadith Baginda yang di-riwayatkan oleh Abu Daud, yang bermaksud: "*Siapa yang belajar ilmu yang sa-patut-nya mendekatkan diri-nya kapada Allah, tetapi ia belajar itu sa-mata2 untok mendapatkan faedah dunia, maka tidak-lah orang itu akan menchium bau shorga pada hari Kiamat*".

Begitu-lah bayangan yang di-gambarkan oleh Rasulullah s.a.w. kapada orang2 yang menuntut ilmu Allah untok kepentingan diri-nya di-dunia ini sahaja. Dan lebeh jelas lagi orang2 yang sa-macham itu di-anggap oleh Allah sa-bagai orang yang mempermainkan ugama-Nya dan akan di-lupakan oleh Allah di-hari Kiamat nanti.

### TERPEDAYA

Sa-bagaimana firman-Nya dalam Surah Al-A'raf ayat 51, yang kira2 bermaksud: "*Mereka yang menjadikan ugama-nya senda gurau dan permainan, mereka telah di-perdayakan oleh kehidupan dunia ini. Sebab itu pada hari akhirat mereka Kami lupakan, sa-bagaimana mereka dahulu (sa-masa di-dunia) telah melupakan akan menemui hari ini dan kerana mereka menyangkal keterangan2 Kami.*"

Daripada keterangan2 yang jelas tadi, nyata-lah bahawa Ugama Islam itu tidak mementingkan hal2 akhirat sahaja, malah hendak-lah di-perseimbangkan kedua-nya ia-itu dunia dan akhirat. Kerana kedua-dua-nya ini saling kait-mengait antara satu dengan lain.

Sa-sunggoh-nya kesempurnaan Ugama Islam itu tidak-lah di-ragukan lagi kerana Rasulullah s.a.w., telah pun melengkapi-nya dengan berpandukan petunjok Allah melalui wahyu2 yang di-terima-nya dan jangan-lah kita chuba membuat perubahan2 yang tidak mendatangkan apa2 munafaat, sa-balik-nya akan menjadi puncha perpechahan dan menggugat keselamatan di-dunia dan azab yang pedih di-akhirat.

### KESUDAHAN

Sa-bagaimana firman Allah dalam Surah Al-A'raf ayat 86, yang bermaksud kira2: "*Dan jangan-lah kamu dudok di-tiap2 jalan dengan menakut-nakuti dan menghalang-halangi orang yang beriman dari jalan Allah, dan menginginkan agar jalan Allah itu menjadi bengkok. Dan ingat-lah di-waktu dahulu-nya kamu berjumlah sedikit lalu di-perbanyakkan oleh Allah. Dan perhatikan-lah bagaimana kesudahan orang2 yang berbuat kerosakan*".

Demikian-lah betapa mustahak-nya kita menjaga ugama kita yang telah nyata kebenaran-nya dan jangan-lah kita chuba2 membuat perubahan yang bertentangan dari pengajaran yang sa-benar2-nya, kerana sa-sunggoh-nya perbuatan salah itu tetap akan mendapat ganjaran yang pedih di-dunia ini apa tah lagi di-akhirat.

SIAPA-KAH yang sa-benar-nya mengujudkan ranchangan2 radio itu? Sa-lama ini orang pada umom-nya berpendapat si-juruhebah atau Pegawai Ranchangan Radio-lah yang punya tugas dan tanggong-jawab burok baik-nya ranchangan2 radio itu. Benar-kah begitu? Sa-belum kita memberikan jawapan betul tidak-nya chuba kita tinjau sedikit mendalam ka-lapangan penyiaran ini.

Kakitangan radio tidak dapat menyiarkan ranchangan perlawanan bolasepak andai-nya tidak ada pasokan bolasepak yang mengadakan perlawanan. Radio tidak akan dapat menerbitkan ranchangan pertanian andai-nya tidak ada orang yang bertani. Radio tidak dapat menyiarkan ranchangan menjelang sungkai jika tidak ada orang yang berpuasa, bukan-kah begitu realiti-nya.

Bertolak dari keadaan realiti ini maka kita ambil kesimpulan-nya yang radio itu menyiarkan apa yang berlaku dan jika tidak ada yang berlaku maka tidak akan ada berita, tidak akan ada pengumoman, tidak akan ada majallah radio. Jadi-nya apa yang perlu kita tekankan di-sini ia-lah aktiviti masharakat dan projek negara-lah yang mewarnakan ranchangan2 radio itu. Kita tidak dapat merubah warna masharakat itu, sa-patah kata, bagaimana · achuan begitu-lah kueh-nya, bagaimana rentak begitu-lah tari-nya.

Begitu juga sa-baleknya, kita tidak dapat menyiarkan berita kominis ini kerana kita tidak pernah terlibat dengan soal itu. Kita tidak dapat mengatakan yang Kerajaan sedang giat menghapuskan pelachuran, pengangguran dan pengemis di-negeri ini kerana masharakat dan negara tidak menghadapi masaalah ini, kerana itu jika soal ini diadakan dalam cherpen atau drama, maka kita sudah mendustakan keadaan yang sa-benar.

Di-sini orang akan bertanya jika demikian keadaan-nya apa-kah peranan juruhebah atau kakitangan radio? Sa-benarnya mereka mengembeleng tiga perkara utama dan penting yang berupa peranan mass media di-mana saja ia-itu memberikan hiboran, penerangan dan pendidekan.

Segala apa yang tergolong dalam inspirasi negara akan di-serapkan dalam ketiga2 bidang yang menjadi teras dan tonggak mass media ini. Dalam seni terbayang wajah negara. Dalam drama terbayang budaya bangsa. Dalam pendidekan terbayang iktikad dan keimanan.

Chuma yang sulit-nya ia-lah bagaimana kakitangan radio itu untok menyampaikan 'message' tersebut kapada orang ramai dengan chara yasg menarek, tidak membosankan dan sentiasa dapat di-terima dengan baik oleh sabahagian besar masharakat. Untok itu-lah betapa perlu-nya mereka di-lateh ka-beberapa buah perkhidmatan radio di-luar negeri.

intisari RTB minggu ini

## "TINI ADEK KU" — Oleh Lat, Brunei

SANDIWARA Radio minggu ini TINI ADEK KU, tulisan Lat, Brunei akan memperdengarkan kapada peminat ranchangan ini mengenai chorak kehidupan masharakat kota dan desa.

Watak Tini dalam cherita ini ada-lah melambangkan watak dara desa yang sentiasa patoh akan apa juga chorak arahan dan didekan yang telah di-alami-nya. Sedangkan Maria kakak kandong-nya melambangkan dara kota yang telah bekerja di-bandar dan tinggal di-rumah pangsa.

Ketika Tini di-bandar, Tini tinggal bersama kakak-nya. Maria begitu faham akan desas-desus pergaulan moden sekarang, sa-hinggakan ia (Maria) tidak mahu membenarkan Tini untok pergi ka-mana2 selain dari menghadapi mata2 pelajaran-nya sa-tiap hari. Maria mahukan Tini tetap berjaya dalam dunia chita-nya selaku sa-orang pelajar.

Akan tetapi perasaan yang selalu terkurong atas kongkongan kakak-nya ini, telah menjadikan Maria dan Tini berselisehan pendapat. Di-mana Tini juga inginkan kebebasan dalam menempoh perkembangan hidup-nya. Lebeh2 lagi perkembangan masa remaja. Namun kakaknya tetap berkeras juga tidak mahu membenarkan Tini bebas dalam menghadapi pergaulan hidupnya, sa-hinggakan satu ketika Tini di-undang untok merai'kan majlis hari jadi teman sekolah-nya, Tini tidak di-benarkan pergi. Di-sini timbul rasa kecewa Tini.

Tapi lain pula hal Maria, dia sendiri tidak menyedari bagaimana kebebasan dalam diri-nya selalu berpoya-poya dengan siapa saja lelaki yang membawa-nya. Tidak hairan-lah bagi Roslan yang Maria tidak ada di-rumah bila Roslan berkunjong ka-rumah pangsa tumpangan-nya.

Apa-kah kesudahan cherita ini. Untok mengetahui-nya awda pendengar dan peminat jangan lupa untok mengikuti siarannya yang akan ka-udara pada 30hb Ogos, 1981 hari Ahad, jam 12.00 tengah hari. Terbitan Jamilah Abdullah.

## Resepi: SEMBOSA

**Bahan2-nya :—**

½ kati daging kisar
2 sudu besar ketumbar
1 sudu besar jintan manis
1 sudu besar jintan puteh
4 batang lada kering
½ inchi kunyit
4 kuntum bunga chengkeh
4 biji buah pelaga
1 keping kechil kulit kayu manis
1 inchi halia
4 ulas bawang merah
3 ulas bawang puteh
1 ikat daun ketumbar
sedikit daun pudina
2 biji bawang besar
1 sudu besar minyak sapi
garam sechukop-nya
serbok perasa (jika perlu)
1 botol minyak
1 bungkus kulit popia
2 sudu besar tepong

**Chara2 membuat-nya :—**

1. Giling bahan2 ini: Ketumbar, jintan manis dan jintan puteh, lada kering, kunyit, halia, bunga chengkeh, buah pelaga. kulit kayu manis, bawang merah dan bawang puteh.
2. Bawang besar di-potong dadu. Daun ketumbar di-kerat2. Daun pudina di-ambil daun-nya.
3. Panaskan minyak sapi. Tumiskan rempah2 yang di-giling tadi dan masokkan daging kisar, bawang merah serta perasa2. Kachau rata2 dan masokkan daun ketumbar dan daun pudina. Kemudian, keringkan dan angkat dan sejokkan.
4. Kulit popia di-potong tiga memanjang. Tiap2 keping di-bentokkan tiga segi, masokkan isi daging, tutopkan dengan kulit yang lebeh dan lekatkan dengan tepong dan ayer.
5. Panaskan minyak, goreng tiap2 sembosa sa-hingga kuning. Toskan minyak-nya dan hidangkan panas2.

## Kampong Terpuji

RANCHANGAN Kampong Terpuji minggu ini ia-lah Penyertaan Kampong Keriam Daerah Tutong. Saperti kampong2 yang menyertai peraduan ini Kampong Keriam tidak ketinggalan dengan persembahan mereka dengan aneka kegiatan dan cherita2 yang menarek. Di-samping itu anak2 buat kampong mereka dengan sukarela menyumbangkan tenaga mereka dengan mempersembahkan kebolehan mereka saperti membacha Al-Kor'an, berdikir dan sa-bagai-nya. Ikuti-lah keluaran-nya minggu ini 30hb Ogos, 1981 jam 2.00 petang.

# RANCHANGAN TVP DARI 31HB. OGOS HINGGA 6HB. SEPTEMBER

### ISNIN — 31HB OGOS

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 18
Dalam ranchangan minggu ini murid2 akan di-ajar mengenali sa-bahagian nama bunga2 dan pokok2 yang terdapat di-negeri ini. Di-Magic Pool, murid2 akan di-ajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'r'. Murid2 juga akan dapat mengikuti dua buah teka-teki dalam ranchangan ini.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 6 (Magnet I)
Ranchangan ini ada-lah bahagian pertama dari siri ranchangan 'Magnet'. Dalam ranchangan ini murid2 akan belajar mengenai.

1) Sejarah magnet.
2) Apa-kah dia kompas,
3) Chara2 membuat kompas mudah.

Benar-kah kompas sangat mustahak kapada pelaut? Bagaimana kompas boleh menolong mereka? Untok mengetahui jawapan-nya, ikuti-lah ranchangan ini.




GAMBARAJAH

10.30 KAP KAP UDANG 423.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, SI-MANIS, PETI SURAT, BERSENAM, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 423.

### SELASA — 1HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 18
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6 (Magnet I)
10.30 KAP KAP UDANG 424
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, PAPAN HIKMAT, PA' LONG, HALAMAN MENGAJAR, MARI MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 424.

### RABU — 2HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 18
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6 (Magnet I)
10.30 KAP KAP UDANG 425.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, MAIN BOLA, GAMBAR TERSEMBUNYI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 425.

### KHAMIS — 3HB SEPTEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 426.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN MUZIK, HALAMAN MENGAJAR, PETI SURAT, MENYANYI DENGAN GAYA, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 426.

### JUMAAT — 4HB SEPTEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti IKUT KETUA, KERJA TANGAN, MAIN BAKUL, SI-MANIS, MARI MELUKIS dan CHERMIN SAKTI.
Kerja Tangan Che'gu Rokiah hari ini ia-lah membuat burong daripada kertas.

### SABTU — 5HB SEPTEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 427.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMINAH, MAIN KERUSI, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 427.

### AHAD — 6HB SEPTEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti RUANGAN BERLAKUN, AMIN, SI-MANIS, MAIN BAKUL, HALAMAN MENGAJAR, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 26HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NATURE OF THINGS: The Maya of Crocodile City
5.30 GODZILLA: "The City In The Clouds"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY: Mork And The Swinging Single
6.30 SAPPHIRE AND STEEL
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 SAPPHIRE AND STEEL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 B J AND THE BEAR: "Beauty and the Beasts"
7.44 AZAN ISHA
7.482 B J AND THE BEAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 DENDANG MUTIKA (Ulangan)
9.35 KNOT'S LANDING: Civil Wives
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Tell Me My Name"
11.55 SIARAN TAMAT

## KHAMIS — 27HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 KATUN
5.30 KANAK2 SINGAPURA BERHARI RAYA (SBC)
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FABULOUS FUNNIES
6.30 SPECTRUM
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 SPECTRUM — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY: "Return of the Fighting 69th" Bgh. I.
7.44 AZAN ISHA
7.48 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY: "Jack's Navy Pal"
9.55 THE PROFESSIONALS: "Hijack"
10.45 TRAPPER JOHN: "Earthquake"
11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 28HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE: "The Runaway Truck"
5.30 THE LONE RANGER: "Hanga The Night Monster"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO: "The Armagenddon Factor" bahagian kelima
6.30 THE MAGIC PALACE
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 THE MAGIC PALACE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VARIETY SHOW: Raffaella Carra
7.44 AZAN ISHA
7.48 VARIETY SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 BERGEMBIRA DENGAN ORANG2 CHACHAT — (Ulangan)
9.15 THE STOCKARD CHANNING SHOW
9.40 GUSTI
10.30 THE SWEENEY: "Pay Off"
11.15 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 29HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.30 BEWITCHED: "Three Men And A Witch On A Horse"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY: "Last Rights"
7.44 AZAN ISHA
7.48 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.55 MARI MEMASAK
9.15 IRAMA DAKWAH (Ulangan)
9.45 TAYANGAN FILEM INDONESIA: "Gara Gara"
Gara Gara mendengar keindahan dan kemewahan hidup di-kota mereka meninggalkan desa. Pelakun2: Debbie Cynthia Dewi, Raden Mochtar, Moch Mochtar, Rachmat Kartolo, dll.
11.15 BRITISH OPEN GOLF
12.45 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 30HB. OGOS

PETANG

1.50 PEMBUKAAN
1.52 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA dan SUSUNAN RANCHANGAN
2.00 SIARAN LANGSONG PERADUAN MEMBACHA KORAN KANAK2 DARI DEWAN RAYA, R.T.B.
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURE OF SUPERMAN
5.30 VISION ON: "Hard and Soft"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 RICHIE RICH
6.30 CHILDREN'S SHORT STORIES: "The Mannikin"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.38 CHILDREN'S SHORT STORIES — — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS: "Grits and Greens Strike Again"
7.44 AZAN ISHA
7.48 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.30 BUTTERFLIES — Episod terakhir
9.00 DRAMA: "Tak Lekang Dek Panas" (Ulangan)
10.15 THE SANDBAGGERS: "Sometime We Play Dirty Too"
11.05 ARMCHAIR THRILLER: "The Victim" Bhg. I
11.55 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 31HB. OGOS

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SEALAB 2020: "The Capture"
5.35 ANIMAL WORLD: "African Nature Walk"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN: "Track of the Dinosaur"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SHOESTRING: "Stamp Duty"
7.44 AZAN ISHA
7.48 SHOESTRING — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 DULCE AMOR DI-BRUNEI (Ulangan)
9.50 GOLDEN SOAK
10.40 A SPECIAL CHILD
11.00 CLIFFHANGERS: "The Girl Who Saves The World" Bgh. I
11.50 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 1HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH
5.15 LITTLE BLUE
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE ON EARTH: Victors of the Dry Land
6.30 AZAN MAGHRIB
6.34 LIFE ON EARTH — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 NERO WOLFE: "Before I Die"
7.42 AZAN ISHA
7.46 NERO WOLFE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 SERIKANDI HARI RAYA SPECIAL (Ulangan)
9.45 TAYANGAN GAMBAR: "The Solitary Man"
11.35 BOGNOR: "Unbecoming Habit" Bhg. 3.
12.05 SIARAN TAMAT.



THE Lone Ranger, satu siri baru untok kanak2 yang akan di-tayangkan pada tiap2 hari Jumaat jam 5.35 petang.



WILLIAM Conrad, pelakun utama siri Nero Wolfe.

# PERKEMBANGAN DAERAH TEMBURONG AK[...]

PEKAN BANGAR. — Bagi menyahut seruan kerajaan supaya penduduk tempatan bergiat aktif dalam memesatkan pembangunan daerah ini, raayat dan penduduk di-sini sedang mengorak langkah yang positif dengan mencheborkan diri dalam berbagai2 kegiatan ekonomi.

*"Dengan ada-nya kesejahteraan dan kehar[...] usaha2 bermunafaat dapat di-perluas"*

**Oleh: Jahri Latif**

"Ini termasok-lah sa-bahagian dari kegiatan korek batu, membalak, berniaga barangan, menjalankan perkhidmatan darat dan sungai dan pemborongan," demikian menurut Pegawai Daerah Temburong Awang Haji Zakaria bin Jeneh.

Menyembahkan uchapan selamat dan keshukoran di-Istiadat Mengadap sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang ke-35 tahun di-Daerah Temburong, yang di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, di-sini pada hari Khamis lepas, Awang Haji Zakaria menegaskan walau pun kegiatan2 ekonomi itu maseh dalam perengkat umor 'berjalan2 rebah' tetapi besar maana-nya dalam usaha pembentokan bumiputera atau tempatan dari perengkat bawahan.

Dan, Insha Allah, dengan kesejahteraan dan keharmonian hidup yang tidak tergugat maka usaha2 yang bermunafaat itu, akan dapat di-perluas dan di-perbaiki untok 'tahan lasak', sembah Pegawai Daerah itu.

Menyentoh mengenai dengan kegiatan dakwah Islamiah, Pegawai Daerah Temburong menyembahkan bahawa perkembangan-nya amat membanggakan.

"Sambutan saudara2 baru di-daerah ini telah mengujudkan satu tepokan dua belah tangan yang nyaring," sembah-nya lagi.

Me[...]
bajika[...]
perhat[...]
bong [...]
tahun [...]
untok [...]
kapad[...]
cheme[...]



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei memereksa perbarisan di-Upachara Perbarisan Kehormatan di-Pekan Bangar pada hari Khamis lalu.**





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah juga berangkat ka-Upacharaa Perbarisan Kehormatan sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan di-Daerah Temburong pada hari Khamis lalu.**

**PENGHULU dan ketua2 kampong di-Daerah Temburong termasok, Kadhi Daerah itu, Awang Haji Besar bin Abu Bakar junjong ziarah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-jurus sa-belum Baginda berangkat pulang (atas).**

**Gambar sebelah kanan kelihatan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Jeneh menyembahkan uchapan keshukoran sempena hari keputeraan Baginda yang ke-35 tahun di-Istiadat Mengadap yang dilangsongkan di-Dewan Kemasharakatan Pekan Bangar sementara gambar sebelah kanan sekali menunjokkan kanak2 sekolah berbaris di-sekeliling padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan untok sama2 meraikan Upachara Perbarisan Kehormatan.**



# D.Y.M.M. BERANGKAT KA-DAERAH BELAIT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Daerah Belait pada hari Ahad lalu. Ini ada-lah merupakan keberangkatan Baginda yang terakhir ka-daerah2 bersempena hari keputeraan Baginda yang ke-35 tahun (gambar kanan).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menerima tabek dan memereksa perbarisan yang di-ambil bahagian oleh pasokan Pulis Diraja Brunei dan pertubohan2 awam di-daerah tersebut. Upachara ini ada-lah merupakan kemunchak dari achara sambutan yang di-adakan oleh daerah itu sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan (gambar2 kiri).

Sa-telah selesai upachara yang di-adakan di-Padang KBRC itu, achara berpindah ka-Dewan Kemasharakatan untok Istiadat Mengadap bagi menyembahkan uchapan2 keshukoran.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga melafadzkan titah di-istiadat tersebut.









PEGAWAI Daerah Belait, Pengiran Idriss menyembahkan uchapan keshukoran, selaku wakil pegawai2 dan kakitangan serta pendudok di-Daerah Belait (atas).

Istiadat Mengadap pada hari itu di-akhiri dengan bachaan Do'a Selamat yang di-bachakan oleh Kadhi Daerah Belait, Awang Haji Metussin bin Timbang (kiri).

Gambar bawah kelihatan sa-bahagian dari para jemputan yang hadhir di-Upachara Perbarisan yang berlangsong di-Padang KBRC.



...TM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, ...TM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda ...hammed Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara ...giran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal ...giran Muda Jefri Bolkiah dan lain2 Kerabat Diraja juga berangkat ka-upachara dan ...dat tersebut.

Gambar bawah kelihatan pasokan Pulis Wanita berbaris lalu di-hadapan pentas ...aja di-Upachara Perbarisan yang berlangsong di-Padang KBRC.









KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei membalas tabek hormat dari atas pentas Diraja, di-Upachara Perbarisan Kehormatan sempena hari keputeraan Baginda yang ke-35 tahun di-Daerah Tutong pada hari Selasa lalu (atas kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika melafadzkan titah di-Istiadat Mengadap, di-Dewan Kemasharakatan Pekan Tutong (atas kanan).

Berangkat ka-Istiadat tersebut ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei memereksa barisan Palang Merah yang menyertai upachara perbarisan di-Daerah Tutong.



## DAERAH TUTONG TE

# $11.4 JUTA DI-UN

# MEMBENA SEK

**Oleh : Ja'afar**

PEKAN TUTONG. — Dalam Ranchangan Kemajuan Negara Ke-empat 1980-1984, sa-jumlah lebeh kurang 11.4 juta ringgit telah di-peruntokkan oleh kerajaan bagi membena sembilan buah sekolah kekal di-Daerah Tutong.

Demikian telah di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah di-Istiadat Mengadap dan menyembahkan uchapan keshukoran sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan kali ke-35 tahun di-Dewan Kemasharakatan, Tutong di-sini pada hari Selasa lepas.

### KEMUDAHAN2

Dalam tahun 1981 sahaja, mithalnya, sembah Awang Haji Chuchu, sa-banyak lima buah sekolah sementara sedang di-siapkan termasok sekolah2 Melayu Kampong Bukit, Batang Mitus, Penapar dan Benutan.

Awang Haji Chuchu seterus-nya menyembahkan bahawa kemudahan2 yang dapat di-laksanakan di-daerah itu termasok-lah perluasan bekalan letrik ka-kawasan2 pendalaman saperti di-Kampong2 Tanjong Maya, Bukit Sulang, Kuala Abang, Lamunin dan Kupang. Dan begitu juga sambongan kabel talipon untok kesenangan bagi pendudok2 Kampong2 Penabai, Sarambangun, Penanjong dan Keriam sedang di-tambah.

Di-segi perkembangan ugama, Pegawai Daerah itu menyembahkan, beberapa buah masjid sedang dalam pembenaan ia-itu umpama-nya Masjid Kampong Telisai yang telah siap di-bena tahun ini, manakala Masjid Kampong Kupang di-jangka akan siap pada penghujong tahun ini.

Dalam bidang pertanian pula, sembah Awang Haji Chuchu sa-lanjut-nya, Pejabat Pertanian akan berterusan memberi perkhidmatan kapada raayat dan pendudok2 di-kampong pendalaman bagi semata-mata untok menambahkan pendapatan2 mereka bagi menchapai taraf hidup yang lebeh tinggi.

Pada menambah dan memperbaiki mutu perkhidmatan2 dalam lain2 jurusan saperti jalanraya, perubatan dan lain2-nya ada-lah dalam proses pembenaan di-mana umpama-

# SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN BAGINDA DI-DAERAH TUTONG





TUTONG. — Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang ke-35 tahun bagi Daerah Tutong, telah bermula dengan rasmi-nya pada hari Selasa 14hb Ogos yang lalu, dengan satu Upachara Perbarisan Kehormatan yang di-adakan di-Padang Bukit Bendera di-sini.

## DI-ALU2KAN

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ka-upachara itu telah di-alu2kan dengan Hormat Diraja, dan Baginda kemudian-nya di-junjong oleh Pegawai Pemerentah Perbarisan, Yang Dimuliakan Major Pehin Datu Bendahara Sari bin Ahmad, untok memereksa barisan kehormatan.

Perbarisan pagi itu telah di-anggotai oleh Battalion Kedua Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Pancharagam Serunai dan Tambor Battalion Kedua, dan Pasokan Pertubohan2 Awam, ia-itu Pasokan Kadet Askar Melayu Diraja dan Pulis Diraja serta Pasokan Palang Merah.

Sa-banyak 21 das tembakan meriam telah di-lepaskan yang di-selangi dengan tembakan senapang dari peserta perbarisan sa-bagai tanda gembira. Perbarisan di-akhiri dengan tiga kali 'Daulat Tuanku' untok Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

## BERANGKAT

Berangkat sama ka-upachara itu termasok-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta lain2 Kerabat Diraja.

## MENGADAP

Sa-lepas perbarisan, achara di-teruskan dengan Istiadat Mengadap yang di-langsongkan di-Dewan Kemasharakatan yang dimulakan dengan sembah keshukoran yang di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah selaku wakil raayat dan pendudok2 Daerah Tutong serta pegawai2 dan kakitangan kerajaan.

Ini kemudian-nya di-ikuti dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan achara di-akhiri dengan bachaan do'a selamat oleh Awang Haji Bolhassan bin Md Jair, Kadhi Daerah Tutong.

## ...KEMBANG :

# ...KAN BAGI

# ...H KEKAL

... Chuchu, ...dalaman ...mbai dan ...rta Jalan ...bang telah

...awah ke- ...a ada-lah tertutama ...gunan2.

...bah-nya, ...mbahkan ...asrat hati ...dudok di- ...taat setia ... kapada ... Mulia ...Yang Di-

...Patek serta ...dok di-dae- ...atas lim- ...Tuan Pa- ...mah ini dan ...mba2 Duli ...tidak shak ...wah Duli

Tuan Patek itu akan menjadi daya pendorong dan simbol pada menuju ka-arah satu ikatan silatul rahim yang kukoh di-antara dan di-kalangan raayat dan pendudok di-daerah ini," sembah Awang Haji Chuchu.

## SEMANGAT

Bagi pehak pegawai2 dan kakitangan kerajaan pula, Awang Haji Chuchu seterus-nya menyembahkan bahawa agar dengan keberangkatan Baginda ka-daerah itu akan menambahkan lagi semangat dan aspirasi untok sama2 memikul tanggongjawab pada berkhidmat dengan ikhlas, tekun dan penoh dedikasi dalam proses menggerakkan jentera pemerentahan yang chekap serta effektif.

"Hamba Duli Tuan Patek juga ingin menyembahkan bahawa di-daerah ini Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek telah dan sedang mengusai, memperluaskan dan melaksanakan berbagai-bagai projek perkembangan demi untok keselamatan, kesejahteraan dan ketinggian hidup raayat dan pendudok di-Daerah Tutong ini," sembah Awang Haji Chuchu.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berangkat untok Istiadat Mengadap di-Dewan Kemasharakatan Pekan Tutong (atas).



PEGAWAI Daerah Tutong Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, selaku wakil pegawai dan kakitangan serta raayat Daerah Tutong, menyembahkan uchapan keshukoran sempena hari keputeraan Baginda, di-Istiadat Mengadap.



SA-BAHAGIAN dari para hadhirin yang hadhir di-Istiadat Mengadap sempena hari keputeraan Baginda di-Daerah Tutong. Istiadat tersebut di-langsongkan di-Dewan Kemasharakatan Pekan Tutong (bawah).



Y.B. Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia menyampaikan sijil kapada Pengiran Haji Md Yusof, salah sa-orang peserta dalam kursus tersebut.

# KEPERLUAN PENIAGA2 MELAYU AKAN DI-AMBIL PERHATIAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberikan dorongan dan galakan untok memajukan peniaga2 Melayu yang gigih berusaha, tahan lasak dan menaroh keperchayaan terhadap kesanggupan mereka masing2.

Di-samping itu kerajaan juga sentiasa menimbangkan pada menyediakan kemudahan2 yang bersesuaian dan berpatutan terutama sekali dalam memberikan kemudahan pinjaman kewangan yang mana baru2 ini Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah berkenan menaikan skim pinjaman kewangan dari $250 ribu kapada ½ juta ringgit.

Demikian antara lain yang telah di-uchapkan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz dalam majlis penutopan Kursus Pengurusan Kewangan untok peniaga2 Bumiputera yang berlangsong di-Pusat Belia di-sini pada 20hb Ogos.

## BANTUAN KERAJAAN

Kursus tersebut di-kelolakan oleh Malayan Banking Berhad Brunei. Ini-lah julong2 kali-nya sharikat swasta menganjorkan kursus saperti itu dalam membantu untok memajukan peniaga2 bumiputera.

"Masa-nya sudah tiba bagi bantuan2 kerajaan kapada peniaga2 Melayu di-gimbarkan dengan bantuan2 sektor swasta, khusus-nya bantuan2 daripada sharikat2, pertubohan2 dan peniaga2 bukan Melayu. Pehak2 yang berkenaan tentu-nya mengetahui bahawa ketiadaan langkah sandar-menyandar, bekerjasama dan saling memperchayai antara satu dengan lain keharmonian yang terdapat dalam bidang perniagaan akan terancham," kata yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan.

## MUHIBBAH

Yang Berhormat itu seterus-nya menjelaskan apa yang benar2 di-perlukan pada menggimbarkan usaha2 kerajaan pada mengujudkan satu golongan peniaga2 yang viable ia-lah "muhibbah" atau "goodwill" yang bertambah dan berterusan terhadap peniaga2 Melayu di-negeri ini.

Muhibbah atau goodwill yang di-maksudkan di-sini bahawa peniaga2 Melayu juga di-beri peluang2 dan kesempatan yang saksama untok ikut serta di-dalam kegiatan2 perengkat2 perniagaan yang tertentu, termasok-lah menjadikan Peniaga2 Melayu sa-bagai wakil2, agent2 atau broker oleh peniaga2 bukan Melayu, tambah Yang Berhormat.

## PENIAGA MELAYU

Kursus Pengurusan Kewangan bagi peniaga2 Melayu itu berjalan sa-lama 10 malam berturut2 bermula 10hb Ogos lalu di-adakan di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill dan telah di-hadhiri oleh 147 orang peserta yang terdiri dari peniaga2 Melayu yang kebanyakan-nya menjalankan perniagaan kechil-kechilan.

Beberapa orang pensharah dari Malaysia dan sa-orang Pegawai dari Lembaga Kemajuan Ekonomi ia-itu Awang Metassan bin Mukmin telah menyampaikan cheramah mereka dalam berbagai aspek pengurusan kewangan dan perniagaan di-sa-panjang kursus tersebut.

## HADHIR

Turut hadhir dalam majlis penutopan kursus pada malam Jumaat lepas termasok-lah Pengarah Malayan Banking Berhad dari Kuala Lumpur Datuk Othman Sutan, Pegawai2 Kanan Kerajaan, jemputan khas dan pegawai2 Malayan Banking Berhad Chawangan Bandar Seri Begawan.

*Kemerdekaan 1983:*

# Bukan bererti Brunei pernah di-jajah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah penting di-ingat bahawa kemerdekaan yang akan kita chapai pada penghujong tahun 1983 nanti ada-lah tidak sa-mesti-nya sama dengan kemerdekaan negara2 yang di-jajah.

Bagi negara2 tersebut, penchapaian kemerdekaan-nya bererti suatu peralehan kuasa memerintah dari kuasa kolonial kapada kuasa nasional — yang mana hal sa-demikian tidak relevan di-Brunei.

Brunei sedia mempunyai Kerajaan-nya sendiri ia-itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan yang sejak lama sa-belum pun persetujuan di-chapai untok Brunei menjalankan tanggong-jawab antarabangsa sa-penoh-nya sabagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka, telah berkuasa ka-atas hal ehwal-nya dan mendapat sokongan raayat.

## BERPATUTAN

Demikian yang telah di-nyatakan oleh Ketua Pegawai Penerangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika menyampaikan taklimat kapada penuntut2 seberang laut yang menghadhiri Kursus Sivik yang bermula pada 20hb Ogos lepas bertempat di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-Jalan Tutong.

"Dalam pada itu ada-lah perkara biasa dan berpatutan jika raayat menaroh berbagai jangkaan (expectations) terhadap kemerdekaan itu sebab raayat tentu wajar mempunyai aspirasi terhadap tanah ayer yang di-chintai-nya," kata beliau selanjut-nya.

"Apa yang mustahak di-insafi, ia-lah pimpinan tertinggi negeri kita telah berjaya, melalui langkah2 diplomasi yang bijaksana, mengatasi rintangan2 terhadap langkah mengambil aleh tanggong-jawab antarabangsa sa-chara penoh sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka, di-mana sa-belum-nya kes kemerdekaan negeri ini telah chuma di-jadikan kes antarabangsa dengan penyelesaian-nya mahu di-paksakan ka-atas Kerajaan dan raayat."

## HUBONGAN LUAR

Menyentoh perhubongan dengan negeri2 luar, Ketua Pegawai Penerangan itu menjelaskan dengan perkembangan terakhir dalam perhubongan dengan negeri2 luar sangat menggalakkan, maka semakin nyata-lah sekarang bahawa kemerdekaan yang akan kita chapai nanti di-restui dengan sebaik-baik-nya oleh masharakat antarabangsa, terutama sekali negara2 ASEAN. Dan hal itu sangat menggalakkan untok kita raayat negeri ini terus mengukohkan azam dengan semangat merdeka dalam suasana yang berkeselamatan.



KETUA Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin (atas) ketika menyampaikan taklimat kapada peserta2 kursus gambar bawah.

Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali ke-6 ini di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, sa-bagai salah satu langkah untok memberikan fahaman yang lebeh dekat lagi kapada raayat tentang aspirasi negeri ini sa-chara tepat dan berkesan. Langkah saperti ini ada-lah di-fikirkan bertepatan dengan suasana negeri kita yang akan memikul tanggong-jawab sa-penoh-nya.

Lebeh 200 orang penuntut2 seberang laut yang sedang berchuti di-tanah ayer telah menghadhiri kursus tersebut. Kursus itu akan di-adakan lagi pada 27hb ini dan 3hb depan. Beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan dari berbagai Jabatan akan menyampaikan cheramah di-sa-panjang kursus tersebut.



# Di-sambong semula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghantaran mel2 udara dan laut ka-Kanada di-jalankan saperti biasa.

Penghantaran mel2 ka-negeri itu di-gantongkan berikutan mogok pekerja2 pos Kanada baru2 ini.

# Derma dari hamba Allah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang janda Dayang Aminah bte Latip dari Kampong Sungai Kebun di-sini telah menerima sumbangan derma wang tunai sa-banyak $1,000.00 dari sa-orang hamba Allah (yang tidak mahu di-sebutkan nama-nya). Derma tersebut ada-lah bagi membantu Dayang Aminah untok mendirikan rumah-nya.

Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama di-pejabat-nya pada pagi hari Rabu lepas.

# Teruskan usaha utk chapai kejayaan

— SUK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan penerimaan PPNB sa-bagai anggota penoh Biro Pengakap Sa-Dunia dalam persidangan-nya yang ke-28 di-Dekkar, Senegal baru2 ini, memboktikan lagi keupayaan orang2 Brunei menempati kedudokan-nya yang wajar di-perengkat antarabangsa, sekali pun dengan hitongan jiwa yang sedikit dan dengan ukoran saiz bumi-nya yang 'ranik'.

"Sesunggoh-nya itu suatu kejayaan dan kita patut berbangga kerana-nya," jelas Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

## KEJAYAAN

Namun demikian, Yang Berhormat menegaskan bahawa kejayaan itu bukan-lah penghujong jalan bagi kejayaan yang sebenar-nya. Tetapi, ia-nya baru merupakan suatu penchapaian taraf yang mesti di-ikuti dengan usaha seterus-nya pada menepati ertikata 'personaliti' sendiri di-perengkat Biro itu.

Beruchap sa-masa upachara pengistiharan keanggotaan penoh PPNB dalam Biro Pengakap Sa-dunia yang di-adakan di Padang SMJA pada petang Selasa lalu, Yang Berhormat seterus-nya menegaskan, "Anak bangsa kita-lah yang berjasa mentarafkan negara dan bangsa-nya ka-taraf yang wajar itu, saperti tuan2 dalam pertubohan pengakap negeri ini."

## SIKAP BERANI

Di-sempena yang bersukut baik itu, Yang Berhormat telah menyeru semua anggota pengakap negeri ini supaya menunjokkan sikap berani dan tegas dalam memberi maana yang tepat tentang 'personaliti' pertubohan ini menurut nilai2 ke-Bruneian-nya.

Menurut Yang Berhormat nilai dan etika 'sumpah pengakap' belum chukop dan sempurna sa-bagai nilai etika yang menepati 'personaliti' Brunei sa-bagai bangsa dan negara yang sedia dengan identiti-nya.

"Keberanian tuan2 sangat2 di-kehendaki pada menyerapkan identiti bangsa Brunei yang kuat berugama, taat setia beraja dan titeh beradat resam ka-dalam personaliti pertubohan pengakap," tegas Yang Berhormat lagi.

# DI-PESATKAN

ana, ke-
di-ambil
sa Ta-
i pada
putusan
kechil
entiasa
ya. Ini

terang beliau, "Supaya kebolehan-nya yang chemerlang itu tidak sia2."

Awang Haji Zakaria seterus-nya menyembahkan, "Selaras dengan perkembangan ini, perkhidmatan2 kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek di-daerah ini juga berkembang dari sa-tahun ka-setahun; keperluan2 infrastruktor sedang di-usahakan kakampong2 baik mengikut ranchangan jabatan mahu pun ranchangan kemajuan lima tahun kerajaan."

Tahun ini, beberapa buah kampong di-Mukim Bokok sudah dapat menekmati kemudahan bekalan ayer paip dan sa-buah bangunan baru Sekolah Melayu telah di-gunakan di-Kampong Selangan.

Sementara itu dua buah masjid baru di-Kampong2 Puni dan Labu Estate kini sedang dalam pembenaan-nya dan Insha Allah lain2 bangunan awam yang asasi yang telah diranchang akan dapat di-laksanakan pembenaan-nya sa-belum berakhir tempoh ranchangan lima tahun kerajaan 1980-1984, sembah Pegawai Daerah Temburong.

Awang Haji Zakaria menegaskan lagi, perkhidmatan2 kerajaan kapada orang ramai akan dapat di-selaraskan apabila sa-bahagian besar pejabat2 kerajaan di-daerah ini di-satukan di-bawah satu bumbong bangunan baru yang akan di-bena di-Pekan Bangar Baru.







## Perbarisan mulakan achara sambutan di-Temburong

SAPERTI lazim-nya, sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-mulakan dengan achara tradisional iaitu perbarisan kehormatan di-Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, di-sini pada hari Khamis lalu.

Sa-jurus keberangkatan Baginda (gambar atas) Kebawah DYMM terus menerima hormat Diraja dari atas pentas khas dan kemudian-nya memereksa barisan kehormatan yang terdiri dari Battalion Pertama, Askar Melayu Diraja Brunei.

### KERETA BERHIAS

Turut juga mengambil bahagian di-upachara perbarisan pagi itu termasok-lah Pasokan2 Kadet Askar dan Pulis Diraja, Pertubohan Pengakap dan Pandu Puteri.

Sa-telah selesai upachara perbarisan, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan berangkat ka-Dewan Kemasharakatan bagi Istiadat Mengadap dan Menjunjong duli.

Manakala sa-belah petang-nya pula telah di-adakan berbagai2 achara temasha di-ayer termasok-lah lumba rakit dan lumba perahu (gambar kiri) yang menambahkan lagi kemeriahan sambutan perayaan di-daerah ini. Pada malam-nya beranekaragam pertunjokan telah di-adakan di-Padang Pekan Bangar Baru.

### PERBARISAN

Bagaimana pun, achara tanglong berjalan kaki, kereta dan basikal berhias di-adakan pada malam Khamis depan.

Sambutan2 perayaan akan terus di-adakan sapanjang bulan depan sabagai lanjutan kemunchak perayaan bagi daerah ini, termasok-lah pertunjokan hasil kerja-tangan dan pameran barang2 antek, peraduan akhir main gasing dan satu pesta mengamping yang jarang2 kelihatan pada masa ini akan di-adakan pada 13hb September depan. Pesta mengamping ini ada-lah satu chiri kebudayaan kita di-negeri ini.

# SIKAP " MALAS KU INGAU " MERUGIKAN BUMIPUTERA

PANGKALAN BATU. — Pendudok2 bumiputera telah di-ingatkan bahawa sikap hidup "malas ku ingau, ulat dalam batu lagi dapat hidup" ada-lah merugikan, terutama-nya dalam kehidupan moden yang penoh persaingan dan serba menchabar.

Ingatan itu di-buat oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama pada hari Juma'at 7hb. Ogos lalu dalam Mashuarat Agong Kali Ke-V Sharikat Kedai Kerjasama Mutika Jaya Kampong Pangkalan Batu di-Daerah Brunei-Muara.

### SIKAP

Menurut Pemangku Pesurohjaya itu, sikap "malas ku ingau" di-kalangan pendudok2 bumiputera terhadap bidang perniagaan ada-lah berpuncha yang sudah sekian lama "telinga mereka malar di-tiupkan" dengan pemahaman yang pendudok2 bumiputera tidak boleh menjalankan perniagaan dan kalau berniaga akan gulong tikar atau bengkerap.

"Apabila pemahaman sa-demikian malar di-agut di-tiupkan ka-telinga mereka, maka jadi-lah mereka di-condition atau di-sekat supaya perchaya yang mereka itu benar2 tidak boleh menjalankan perniagaan," tegas Awang Mahmud.

Penghidupan yang di-conditon sa-hingga melahirkan sikap "malas ku ingau" terhadap perubahan ini telah di-bandingkan oleh Pemangku Pesurohjaya dengan kehidupan sa-ekor gajah sarkas yang tenaga-nya dapat mengundan balak dua-tiga pemelok tetapi teranah di-kandang-nya hanya dengan sa-belah kaki-nya di-gari dengan rantai pada sa-batang turus yang di-pachakkan di-tanah. Turus itu dengan mudah dapat terchabut hanya dengan menggerakkan kaki-nya yang di-gari itu tetapi gajah tersebut "malas taya ingau kerana kehidupan-nya sejak kechil2 lagi sudah di-condition untok hidup teranah saperti itu".

### BENGKERAP

"Itu kesah gajah tetapi bagaimana dengan pendudok2 bumiputera yang sa-olah-olah di-jadikan senda-gurau ia-itu kalau berniaga akhir-nya akan bengkerap itu? Apa-kah ketani juga akan berkata malas-tah ku ingau, ulat dalam batu lagi dapat hidup ?".

Pemangku Pesurohjaya itu berseru supaya pendudok2 bumiputera berusaha untok melepaskan diri dari sekatan pemikiran yang mereka itu tidak boleh berjaya dalam bidang perniagaan.

"Kalau pendudok2 bumiputera tidak berminat atau tumpul hati untok mencheborkan diri dalam bidang perniagaan peluang itu akan terbuka sa-luas-luas-nya kapada pendudok2 bukan-bumiputera yang sa-memang-nya sudah mempunyai kedudokan kukoh dalam bidang tersebut," tegas beliau.

### HASILKAN

Sharikat Kerjasama Mutika Jaya Kampong Pangkalan Batu telah dapat memboktikan bahawa perniagaan runchit yang di-kendalikan oleh anak2 kampong dapat maju dan menghasilkan keuntongan kapada ahli2 sharikat. Pada tahun 1979 sharikat yang menjalankan perniagaan menurut sistem kerjasama itu telah mendapat untong berseh sa-jumlah $21,773.5 dan pada tahun 1980 untong berseh itu telah meningkat kapada $23,680.63 ia-itu bertambah $1,907.12.

"Kalau betul2 di-fahami akan sistem perniagaan yang patut di-amalkan dalam sa-sebuah sharikat kerjasama itu tidak ada sebab mengapa ia tidak boleh maju dan mendatangkan munafa'at kapada ahli2-nya," tegas Pemangku Pesurohjaya.

### MASOKKAN

Dalam Mashuarat Agong itu telah di-persetujui bahawa keuntongan sa-tiap ahli dari dividen dan bonos akan di-masokkan ka-dalam saham masing2 sa-bagai modal sharikat membeli sa-bidang tanah sa-luas .33 ekar.

Pada Jumaat 14hb Ogos lalu Pemangku Pesurohjaya juga telah merasmikan Mashuarat Agong Kali Ke-IV Sharikat Kedai Kerjasama Bersatu Kampong Junjongan di-Daerah Brunei-Muara.

Sharikat kerjasama ini juga telah menampakkan kemajuan dalam bidang perniagaan runchit. Pada tahun berkenaan-nya yang berakhir 31hb Mach, 1981 ia telah memperolehi untong berseh sa-jumlah $9,424.35 ia-itu hampir dua kali ganda daripada yang di-perolehi-nya tahun lalu.



## Hadhiri sidang di-London

BERAKAS. — Dayang Hjh Marhani bte Abd Latif, Pesurohjaya Pandu Puteri bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong, kini berada di-United Kingdom untok menghadhiri Persidangan Pandu Puteri Antarabangsa Sa-Dunia yang akan di-adakan di-Pusat Pandu Puteri Foxlease di-London (gambar atas)

Ini ada-lah merupakan kali pertama-nya Brunei menghantar perwakilan-nya ka-Persidangan Antarabangsa itu, yang mana ia-nya di-hadhiri oleh perwakilan2 dari negara2 Komonwel, termasok Brunei, Malaysia dan Singapura.

Dayang Hjh Marhani, sa-belum berlepas meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa pada 14hb Ogos yang lalu menyatakan antara usul yang akan di-perbinchangkan dalam persidangan yang berthemakan 'Pandu-Puteri Menjelang Tahun 2000' itu ia-lah mengenai sumbangan2 Pandu Puteri Antarabangsa untok orang2 chachat. Sementara itu, Dyg Hjh Marhani selaku wakil dari Negeri Brunei akan mengemukakan mengenai peranan Pandu Puteri Negeri Brunei sa-lepas kemerdekaan.

## Belait akan punyai balai bomba yang baru

KUALA BELAIT. — Sa-buah balai bomba ba- yang menelan belanja k- ra2 $5.7 juta kini seda- di-dalam proses pemben- an-nya di-pekan ini.

Pembangunan ba- bomba yang terletak d- Jalan Setia Diraja itu d- jadualkan selesai di-dala- pertengahan tahun hada- an.

Awang Hussien bin Ha- san, Pemangku Penguas- Kanan Bomba ketika kam- temui baru2 ini menjela- kan yang Jabatan Bomb- berharap untok menempa- kan kira2 48 orang an- gota2 dan pegawai2-ny- sekali untok di-tugaska- di-pekan ini sejurus sel- pas siap-nya projek pem- benaan itu.

Jabatan bomba pada k- tika ini di-tempatkan d- sa-buah bangunan semen- tara yang membolehka- mereka menempatkan 2- orang ahli serta pegawai2- nya untok bersiap sed- menghadapi kejadian2 k- chemasan dan kebakaran.

Ketika di-tanya meng- nai dengan projek terseb- Awang Hussien member- tahu, balai bomba itu aka- dapat menempatkan em- pat buah kereta2 bomba 24 buah tempat2 pengina- pan kelamin bagi ahli bomba dan empat ruma- pegawai.

"Komplek itu juga aka- mempunyai sa-buah bala- ibadat dan sa-bua- "smoke chamber" unto- membolehkan latehan2 penggunaan alat2 perna- fasan di-lakukan oleh an- gota2 bomba," tamba- Pemangku Penguasa Ka- nan Bomba itu lagi.

Ketiga mengulas menge- nai dengan kedudokan ba- ngunan baru itu Awan- Hussien menjelaskan yan- letak-nya begitu bersesua- an sekali memandangka- kawasan tersebut boleh- lah di-sifatkan sa-bagai kawasan perindastrian dan kurang-nya kesesakan lalu- lintas yang membolehka- mereka sampai ka-mana2 tempat di-pekan itu de- ngan begitu mudah.

Sementara itu Pemang- ku Timbalan Pengawa- Pasokan Bomba, Awang Haji Wahabi bin Haji Me- tussin telah berlepas ka- United Kingdom pada hari Khamis lepas unto- mengikuti kursus menche- gah kebakaran di-sana. Kursus tersebut memaka- masa sa-lama tiga bula- bertempat di-Fire Servi- College Morton-in-Mar-

# Berita2 kegiatan AMDB

## Majlis keshukoran sempena Puja Usia Baginda

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei akan berangkat menghadhiri jamuan di-Mes Pegawai Angkatan Laut di-Muara pada hari Sabtu 29hb Ogos, 1981.

Majlis jamuan itu di-anjorkan oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sempena hari keputeraan Baginda yang ke-35 tahun.

## K-terbang HS748 di-serahkan kapada RBA

BERAKAS. — Kapal terbang HS748 kepunyaan Askar Melayu Diraja Brunei akan di-serahkan kapada Sharikat Penerbangan Diraja Brunei pada 26hb Ogos, 1981.

Mulai tarikh itu, kapal-terbang tersebut tidak lagi sa-bagai kapal terbang tentera.

## Naik pangkat

BERAKAS. — Pemerentah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengumomkan kenaikan pangkat sa-orang lagi pegawai dari pasokan itu. Beliau ia-lah Cpt Hj Hashim bin Haji Zainal Abidin dari Angkatan Laut Pertama yang di-naikkan ka-pangkat Major Tetap. Kenaikan pangkat itu bermula dari 31hb Mach, 1981.

## Penuntut2 PTE tinjau AMDB

BERAKAS. — Sa-ramai 35 orang penuntut dan guru2 dari Pusat Tingkatan Enam, Gadong akan mengadakan lawatan ka-Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei pada 25hb Ogos ini.

Lawatan rombongan tersebut akan di-mulakan dengan taklimat di-Panggong Wayang Pusat Latehan Bolkiah Kem. Sa-telah itu mereka akan di-bawa melawat ka-Muzium pasokan itu dan menyaksikan pertunjokan skuadron kereta perisai dan pertunjokan menembak.

Sa-telah berehat sebentar, rombongan tersebut kemudian-nya akan di-bawa melawat ka-bengkel pasokan dan di-bawa ka-Muara dengan menaiki pesawat helikopter untok melawat Angkatan Laut Pertama pasokan tersebut. Lawatan tersebut berakhir kira2 jam 4.15 petang.

## *Sambutan Hari Raya*

BERAKAS. — Askar Melayu Diraja Brunei akan mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 28hb Ogos ini. Sambutan yang akan di-adakan di-Padang Kawat Berakas Garisson itu akan bermula pada jam 7.30 malam.

Beberapa achara termasok peraduan nyanyian, pertandingan pakaian beragam, tarian2 dan lain2 akan di-persembahkan pada malam itu.

## Pemereksaan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Bahagian Sukatan dan Timbangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan akan menjalankan pemereksaan alat2 perkakas sukatan dan timbangan bagi tahun 1982 di-seluroh negeri.

Pemereksaan ka-atas alat2 tersebut bagi Daerah Brunei dan Muara, Belait dan Tutong di-mulakan pada 1hb Ogos sa-hingga 31hb Disember sementara pemereksaan di-Daerah Temburong akan di-mulakan pada 1hb September sa-hingga 1hb Oktober, 1981.

Bagi pemilek2 alat2 perkakas sukatan dan timbangan di-Daerah Brunei dan Muara, pemereksaan di-jalankan di-Pejabat Bahagian Sukatan dan Timbangan di-Jalan Istana Darussalam; bagi Daerah Belait di-Pejabat Chawangan Bahagian Sukatan dan Timbangan Kuala Belait dan di-Daerah Tutong pula, di-Pejabat Chawangan ia-itu bekas Pejabat Daerah Tutong.

Pemereksaan ka-atas alat2 sukatan dan timbangan di-Daerah Temburong akan di-jalankan di-Rumah Kerajaan Kelas 'C' No. 1, Pekan Bangar.

## Saudara baru

BANDAR SERI BEGAMAN. — Sa-orang perempuan Iban, Derin anak Ubon bersama dua orang anak lelaki-nya telah memelok Ugama Islam di-satu majlis yang berlangsong di-Jabatan Hal Ehwal di-sini baru2 ini.

Derin memileh nama Islam-nya sa-bagai Dayang Rosnah bte Abdullah sementara anak2-nya masing2 kini di-kenali sa-bagai Zakaria bin Saini dan Mustafa bin Saini. Mereka melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim), Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin.

Sa-orang lagi saudara baru kita ia-lah Awang Mohd Eriffin bin Abdullah yang sa-belum itu di-kenali sa-bagai Setipin anak Anyong dari Malaysia. Beliau juga memelok Ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama pada 17hb Ogos minggu lepas.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Mulai 15hb Julai 1981 Siaran Melayu Radio Brunei akan bermula dari jam 6.00 pagi terus-menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 pagi: | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.02–6.30 pagi: | Sinaran Wahyu |
| 6.30–8.30 pagi: | Dendang Suria<br>Bingkisan Hari Ini<br>Suntingan Hidayah<br>Peringatan Harian<br>Panduan Sokan<br>Bertutor Dalam Bahasa Inggeris |
| 12.00–12.45 T/H | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) kechuali hari2 Khamis, Jumaat dan Ahad. |
| 7.30 malam dan 1.00 tengah hari: | Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis) |
| 6.00 petang: | Siri Mukkaddam<br>Bingkisan Hari Ini<br>Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib |
| 10.15 malam: | Bachaan Al-Kor'an |
| 10.24 ,, | Do'a Restu |
| 10.29 ,, | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 7.00 pagi | (Berita2 dalam negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 t/hari | (tiap2 hari Jumaat) |
| 3.00 petang | (tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan Ahad) |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |
| 8.15 malam | (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban) |
| 9.30 | Berita Dunia dari BBC London. |

### Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

## GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

### Hari Rabu 26hb. Ogos

PAGI:

8.30 Rimba Raya (SU)
8.45 Dendang Antarabangsa
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar (SU)
11.30 Autograph Pendengar (SU)

T/HARI:

1.30 Persembahan-ku (SU)

PETANG:

2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Panduan Pelajar
4.30 Dendang A. Ramlee.
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Senandong Asli

MALAM:

7.00 Rangkaian Lama dan Baru
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 27nb. Ogos

PAGI:

8.30 Ruangan Ketani (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Lagu2 Jenaka
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu Kanak-Kanak
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:

1.30 Chitra-wara

PETANG:

2.00 Puspa Irama
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Soal jawab ugama
5.00 Perzembahan Lagu2 Gambus
5.45 Irama di-senja.

MALAM:

7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Sukaramai
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 28hb. Ogos

PAGI:

8.30 Pertanian
9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Untok Belia
11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI:

12.00 Lagu Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
1.15 Qasidah/Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG:

2.00 Ruangan Ketani
2.30 Majallah Radio (SU)
3.15 Paduan Suara
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Puspa Irama
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM:

7.00 Lagu2 Hiboran
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Soal jawab ugama
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 29hb. Ogos

PAGI:

8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Hiboran Ranchak
10.30 Rampai Sari
11.30 Irama Hindustan
11.45 Varia Peristewa (SU)

T/HARI:

1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya (SU).

PETANG:

2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Anika Lagu
3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
4.00 Mutiara Asli
4.30 Chitra Irama
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Senandong Ria.

MALAM:

7.00 Rampaian Malam
8.30 Cherpen dan Salokan (SU)
9.00 Irama Keronchong
9.15 Titian Budaya (SU)
9.45 Langgam Suara (SU).

### Hari Ahad 30hb. Ogos

PAGI:

8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
11.00 Senandong Seloka
11.30 Suara Kugiran

T/HARI:

12.00 Sandiwara Radio
12.32 Segar dan Ranchak
1.00 Permintaan Dua Station

PETANG:

2.00 Kampong Terpuji
2.30 Gema Ria/Persembahan-ku
3.15 Riang Ria
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Arena Sokan/Lagu2 Hiboran
5.00 Persembahan Gazal
5.45 Irama di-senja.

MALAM:

7.00 Lagu2 Pilehan
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 60an.

### Hari Isnin 31hb. Ogos

PAGI:

8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI:

1.30 Senandong Seloka

PETANG:

2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Persembahan Gazal (SU)
3.15 Rampaian Joget
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Bingkisan Tanah Ayer
4.30 Pertanian dan Perikanan (SU)
5.00 Komintar Radio
5.15 Periang Hati
5.45 Lagu2 nasehat.

MALAM:

7.00 Aneka Irama.
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 1hb. Sept.

PAGI:

8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU).

T/HARI:

1.30 Lukisan Masharakat.

PETANG:

2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Hiboran
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Untok Belia (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.

MALAM:

7.00 Gema Silam
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

DAVID'S CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.15 Symphony
8.55 The History of Music In Sound Baroque II
9.30 Musical Gems.

#### Thursday

P.M.

8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood
9.30 Story Time: Napoleon and Josephine

#### Saturday

P.M.

8.15 Hits In Germany
8.45 Frank Muir Goes Into
9.30 Top Of The Pops.

#### Monday

P.M.

8.15 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre

#### Tuesday

P.M.

8.15 Just For You
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special

### Daily

A.M.

7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.

8.00 Radio Newsreel
9.15 News.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.

11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Music of the Sixties

P.M.

12.45 Neil Richardson Presents
1.15 BBC Sports Magazine
8.00 Radio Newsreel
8.15 The Hitch Hiker's Guide to the Galaxy.
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

### Sunday

A.M.

11.00 We Care For You
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Education
12.00 Frank Muir Goes Into
12.45 Interlude
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 The Restless Year
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Science Pop.

# SEJAJARKAN TARAF DENGAN RAKAN LUAR NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein menyeru para pemimpin pengakap supaya melipat-gandakan usaha kepengakapan demi untok mensejajarkan taraf-nya dengan pertubohan2 pengakap luar negeri.

Selaku persekutuan yang baru sahaja di-terima menjadi anggota penoh di-Pertubohan Pengakap Sa-Dunia Yang Berhormat berpendapat sudah kena pada waktu-nya Persekutuan Pengakap Negeri Brunei mempunyai kemantapan dalam melaksanakan segala aktiviti-nya sesuai dengan kedudokan-nya sekarang.

Yang Berhormat telah beruchap di-pengistiharan keanggotaan penoh Persekutuan Pengakap Negeri Brunei yang telah berlangsong di-Padang Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam di-sini minggu lalu.

PPNB telah di-tauliahkan selaku anggota penoh Biro Pengakap Sa-Dunia di-tengah Persidangan Biro tersebut yang telah berlangsong di-Dekar Senagal, Africa Barat baru2 ini. Tauliah tersebut telah di-terima sendiri oleh Yang Berhormat Pehin Hussein selaku Ketua Pengakap Negara.

Brunei ada-lah ahli yang ke-117 dalam biro pengakap dunia itu dan ada-lah merupakan salah sa-buah daripada negeri yang menerima tauliah pada ketika yang sama sa-lain dari Yemen dan Zimbabwe. Hingga masa ini ramai ahli pengakap yang bergabong dengan Pertubohan Pengakap Sa-Dunia ia-lah 16 juta.

Atas penghormatan dunia kapada PPNB sudah tentu tanggong-jawab para pengakap negeri akan bertambah berat. Bagaimana-pun Yang Berhormat penoh yakin dengan ada-nya kerjasama daripada Pegawai2 Pesurohjaya Pengakap, Pemimpin2 yang mempunyai pengalaman dalam lapangan pentadbiran Pengakap, tanggong-jawab itu akan dapat di-renganknkan.

Tetamu khas yang juga turut beruchap di-perhimpunan pada hari tersebut ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Pengistiharan bagi keanggotaan tersebut telah di-lakukan dengan pembachaan surat tauliah oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Hj Hussein yang kemudian-nya menyampaikan surat tersebut kapada Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.



**SA-BELUM upachara pengistiharan satu upachara penyampaian bendera telah di-langsongkan. Kelihatan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyerahkan bendera Rasmi Pengakap kapada salah sa-orang pegawai pengakap sa-telah menyerah-kan-nya kapada Yang Dipertua Persatuan Pengakap.**

## Asrul antara barisan pemain kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Kebangsaan Brunei Khamis lalu mula menyaksikan pertarongan antara 14 orang pemain2 chator terkemuka tanah ayer bagi merebut juara kebangsaan tahun ini.



**Ak. Asrulmohidi**
**. . . gunakan perlawanan sabagai satu kesempatan . . . .**

Perlawanan tahunan yang di-anjorkan oleh persatuan sempena hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Yang Ke-35 tahun itu akan berjalan di-Pusat Belia di-sini hingga selesai 13 pusingan dalam bulan September depan.

Lapan daripada barisan pemain yang menyertai perlawanan tersebut adalah dari Brunei Muara dan antara mereka termasok-lah Awang Muhammad bin Awang Damit dan Awang Muhmmad bin Ismail yang merupakan bekas juara dan naib juara tahun lalu.

Tiga daripada pemain yang juga turut serta bagi merebut kejuaraan itu ada-lah dari daerah Belait dan dua lagi dari Daerah Tutong. Daerah Temburong bagaimana pun gagal untok menampilkan pemain2-nya dalam persaingan yang penting itu.

Menyentoh dengan pemilehan pemain yang dapat melayakkan diri bertanding dalam perlawanan itu, Setiausaha bagi persatuan, Awang Muhammad bin Haji Wasli menerangkan yang dalam perengkat tersebut pemain yang bertanding bukan-lah merupakan wakil2 daerah tetapi ada-lah merupakan pemain2 yang di-fikirkan layak dan mempunyai potensi untok mewakili negeri ini ka-perlawanan2 antarabangsa di-luar negeri.

Pada tahun ini Persatuan Chator Kebangsaan berasa bangga kerana dapat mengetengahkan sa-orang pemain muda yang di-perchayai mempunyai harapan untok terus meninggikan mutu permainan-nya.

Ak Asrulmohidi bin Pg Jaafar, berusia 14 tahun ada-lah merupakan bekas naib juara dalam perlawanan chator terbuka bahagian junior dalam tahun 1979 dan telah terpileh untok bertanding dalam perengkat kebangsaan sa-telah berjaya mengalahkan salah sa-orang bekas juara kebangsaan.

Di-tanya apa-kah azamnya sa-telah terpileh bertanding dalam perengkat tersebut, Ak Asrulmohidi menjelaskan ia akan berusaha untok memenangi banyak perlawanan dalam beberapa pusingan yang telah di-tetapkan dan tambah-nya ia akan menggunakan perlawanan tersebut sa-bagai satu kesempatan untok mempelajari taktik2 dari lawan2 yang sudah banyak pengalaman.



**SA-BAHAGIAN daripada peserta yang menyertai perlawanan.**

## Sertai kejohanan renang

BERAKAS. — Sa-ramai 14 orang perenang Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan menyertai Kejohanan Berenang bahagian Yunit Besar di-Hongkong Jumaat depan, 28hb Ogos 1981.

Rombongan tersebut telah bertolak meninggalkan negeri ini semalam dan di-jangka pulang pada 29hb Ogos ini.




## JKR wakil B/Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya akan mewakili Daerah Brunei-Muara bagi kedua2 bahagian "A" dan 'B' dalam perlawanan tarek kalat sempena hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-35 tahun yang akan berlangsong di-sini bulan September depan.

Jabatan tersebut telah berjaya mengalahkan Pasokan Pulis Diraja Brunei dalam bahagian 'A' dan Askar Melayu Diraja Brunei dalam bahagian 'B' di-perlawanan perengkat daerah yang telah berlangsong di-sini minggu lalu.

Sementara itu perlawanan serupa untok memileh wakil ka-perengkat negeri sedang di-jalankan di-lain2 daerah di-negeri ini.

**GAMBAR bawah kelihatan wakil dari Jabatan Kerja Raya sedang menerima piala kemenangan dari YAM Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.**



## BAIK akan mashuarat Jumaat ini

BANDAR SERI BEGAWAN.—Badan Kebajikan dan Kesokanan Pejabat Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei rengkas-nya BAIK yang baru saja di-daftarkan akan mengadakan mashuarat pertama-nya pada 28hb Ogos 1981 bertempat di-Bilek Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei bermula jam 8.00 pagi. Pembukaan rasmi di-jangka akan di-lakukan oleh Ustaz Haji Saman Kahar.

Badan ini di-anggotai oleh kakitangan Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei dan ahli rasmi sa-takat ini ia-lah kira2 170 orang. Penaong Badan ini ia-lah Pengawal Imigeresen dan Pendaftar Taraf Kebangsaan Brunei, Dato Paduka Abidin Abdul Rashid.

Setia Usaha sementara badan ini memohon supaya ahli2 akan dapat hadhir pada permashuaratan pertama kerana bagi memileh satu jawatankuasa baru bagi penggal 1981-1982.

## Bolasepak tujoh sa-pasokan

TUTONG. — Persatuan Melayu Keriam (Pesaka) akan menanjorkan satu Perlawanan Bolasepak tujoh orang sa-pasokan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun.

Perlawanan itu ada-lah terbuka kapada persatuan2 belia, kelab2, kampong2, sekolah2 dan firma2 di-daerah ini.

Borang2 penyertaan yang mesti di-kembalikan tidak lewat dari 11hb September depan sekarang boleh di-perolehi daripada Awang Kamaluddin bin Hitam di-Pejabat Daerah Tutong.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI JURUTERA DI-RADIO TALIVISHEN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Jurutera Pengawas di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) **Lantekan Terus :**
Sa-seorang pemohon mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman berkhidmat dengan sa-sebuah perbadanan penyiaran yang besar, dan mempunyai sekurang2-nya pengetahuan khusus dan ijazah dalam salah satu chawangan kejuruteraan penyiaran ada-ah satu kelebehan. Sa-seorang chalon mesti-lah biasa-nya telah mengikuti latehan yang di-iktiraf dalam bidang penyiaran, mithal-nya Kursus Kejuruteraan Gred C di-Perbadanan Penyiaran British atau yang sebanding dengan-nya. Telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dalam sa-suatu jawatan Kanan atau di-perengkat penyelia dalam bidang pengkhususan yang sama saperti jawatan yang akan di-penohi-nya ini.

b) **Lantekan Sa-chara Kenaikan Pangkat :**

Sa-seorang chalon itu mes-lah jurutera yang berkelayakan yang mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman dalam bidang pengkhususan penyiaran yang ia berchita2 untok menjadi Ketua Bahagian bidang yang berkenaan itu. Mereka hendak-lah memboktikan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang luas mengenai alat2 kelengkapan dan tugas2 di-bahagian yang berkenaan itu dan mempunyai kebolehan pentadbiran yang di-perolehi daripada melaksanakan tugas2 jawatan penyelia yang di-sandang sa-chara memangku.

c) **Tugas2 dan Tanggong-jawab :**

Sa-bagai Ketua sa-suatu bahagian teknikal yang khusus, pemegang jawatan ini akan bertanggong-jawab bagi kualiti dan kechekapan "output" bahagian yang berkenaan itu. Dia bertanggong-jawab-menentukan perengkat dan gred kakitangan yang akan di-tugaskan di-bahagian-nya. Dia juga di-kehendaki membantu Jurutera Penguasa dalam kerja2 peranchangan untok kemajuan di-bidang teknikal pada masa hadapan. Dia ada-lah bertanggong-jawab kapada Jurutera Penguasa dan hendak-lah mengambil bahagian yang chergas dalam penggunaan dan pemeliharaan alat2 kelengkapan di-bawah jagaan-nya.

**Tangga Gaji :**

B. 3 — B$3350-3445-3450-3640.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb September, 1981.

(E/233/75—Bil : 144/1981)

## Sa-bagai Penguasa Terafik Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penguasa Terafik Kanan di-Jabatan Talikom, Brunei.

**Kelayakan2 Utama :**

Mempunyai latehan kejuruteraan talikom yang asas bersama kelulusan teknikal sa-hingga menchapai perengkat menengah.

Pengalaman yang meluas dalam Kerja2 Terafik yang meliputi aspek2 Penjualan dan Perkhidmatan hingga-lah kapada pembekalan alat2 dan ramalan perkembangan.

Mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan Penyelia Kanan dengan sa-sebuah pertubohan Talikom yang besar.

**Kelayakan yang lain :**

Pengetahuan Bahasa Melayu merupakan satu kelebehan tetapi tidak di-mestikan.

**Had Umor :**

Sa-kurang2-nya 35 tahun. Tidak ada had umor tua dengan sharat di-akui sehat tuboh badan.

**Jawatan dan Tugas2 :**

Bertanggongjawab sa-chara keselurohan terhadap kakitangan2 Perkhidmatan dan Penjualan, ramalan perkembangan talipon, pembekalan alat2 dan juga pembahagian serta pembayaran Antarabangsa.

**Tangga Gaji :**

B. 2 — B $1975-2050-2125-2208-2285 - 2366 - 2445 - 2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3078-3175-3280.

**Sharat2 Lanetkan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb September, 1981.

(E/1129/81—Bil: 137/1981)

## Di-Jabatan Pelajaran, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PEMBANTU TEKNIK
   — dalam Jurusan2 :
   Automotive
   Catering
   Telecommunications
   Vehicle Body Repair
   Welding
   Electrical
   Refrigeration

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mesti-lah tamat sa-suatu Kursus Sekolah Teknikal. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai Sijil City and Guilds dalam mata-pelajaran yang berkenaan.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

2. PEMBANTU MAKMAL:

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Tamat Kursus Radio, Television dan Electronics Servicing. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai Sijil City and Guilds dalam mata-pelajaran yang berkenaan.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/540/76 — Bil : 134/1981)

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB. 17/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas C sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 8hb September, 1981 bagi : —

MEMAGAR POST BALAI POLIS DAN LAIN2 KERJA DI-SUNGAI TUJOH, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 18/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 8hb September, 1981 bagi : —

MEMBAIKI DAN MENCHAT BANGUNAN PEJABAT UGAMA, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 17/1981**

TENDERS will be received from Class C only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th September, 1981 for : —

FENCING TO POLICE POST AND OTHER WORKS AT SUNGAI TUJOH, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 18/1981**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th September, 1981 for : —

REPAIR AND REPAINTING TO PEJABAT UGAMA KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Reconstruction of RC drains along Jalan Bunga Kemantin Wee Shui Huat Cont — $18,170 — 2½ months.
2. Repair and repainting to all Government flats at Seria/KB — Ibrahim bin Ghani — $107,036 — 10 weeks.
3. Manufacture and supply of Class I and II furniture — Messrs Salleh and Hanafiah — $65,633 — 3 months.
4. Supply of crusher-run stones to Jalan Sembatang Santol — Ocean Quarry Co — $399,900 — 6 months.
5. Additional bollards to BSB wharf — Borneo Chain Link Fencing Factory — $21,500 — 3 months.
6. Repainting to perimeter wall and security fencing, Istana Darul Hana — Messrs Hj Mohd Hassan Abdullah $100,675 — 5 weeks.
7. State Stores tender for tyres and tubes (rear tyre 18.4/15-26-12 ply—traction sure grip or equivalent—Messrs Md Ariffin Enterprise — $828.00 each.
8. Telecoms tender for vehicle servicing equipment — Hillcrest Enterprise — $22,557.
9. Excavation of resettlement area at Berakas — Messrs Seri Berjaya — $99,586 — 2½ months.
10. State Stores tender No 23/81 — Monarch International Agencies — $236,678.20.
11. Agriculture tender for chemicals : —
    1 Grammoxone or Paraquat Herbicide — Grammoxone — Borneo Co — $7.80 per litre CIF Kilanas.
    2 2 — 4D Amine — Borneo Co — $7.20 per litre CIF Kilanas.
12. Tender for soil investigation, Seria-KB By-Pass Road — Geotechnical Services Sdn Bhd — $314,092.00 — 6 weeks.
13. Electrical installation, Security Guards, Mile 3, Jalan Berakas — Kon Kom Elec Co — $24,832.
14. Built-in joinery fittings, High Court Building — Aultima Furnishing Co — $294,275.
15. Renovation to Co-Operative Department — Hj Mohd Yussof PDI Hj Mokti — $26,490.00 — 2½ months.
16. Supply of Class II and III furniture KB-Seria — Messrs Fashion Furniture Manufacturers — $818,382.00 — 4 months.
17. Cookhouse for Security Guards at Istana Darul Hana — Jackton Const & Developing Co — $229,830.00 — 3 months.
18. Proposed training building for Fisheries Field Station, Muara — Sh Hj Metussin & Anak2 — $485,950.00 — 6 months.
19. State Stores tender for pipes (No 16/81) — UAC Berhad — $571,050.00.
20. State Stores tender for valves etc (No 28/81) — Mechmarine (B) Pte Ltd — $23,650.80.
21. Survey Department tender for contract No JUA 8 — Kg Rimba — Messrs Turnbridge Callender Beach (B) Pte Ltd — $569.50 per hectare — 6 months.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR SPRAY PAINTING BOOTH INSTALLATION, WORKSHOP EXTENSION FOR RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Contractors or Specialist or Local Agent of Manufacturers up to 12.00 noon, 1st September, 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR SPRAY PAINTING BOOTH INSTALLATION, WORKSHOP EXTENSION FOR RBMR, 1ST FLOTILLA BASE, MUARA."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Pte. Ltd., Block F11-12, Seri Temasek, Seri Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 5th August 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundreds only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.
   The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.
6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Contractor or Specialist or Local Agent of Manufacturers.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

**SERIAL No. 50(AC)81**

**AIR CONDITIONING INSTALLATION**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade 'A' and 'B' air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 15th September, 1981 for the: —

RENOVATION AND REPLACEMENT OF AIR CONDITIONING EQUIPMENT RELIGIOUS AFFAIRS BUILDING BANDAR SERI BEGAWAN

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked Renovation & Replacement of Air-Conditioning Equipment Religious Affairs Building, Bandar Seri Begawan.
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**SERIAL No. 51/1981**

**AIR CONDITIONING INSTALLATION**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A and B Air-Conditioning Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 15th September, 1981 for the : —

PREVENTIVE MAINTENANCE OF YORK AIR CONDITIONING EQUIPMENT IN BRUNEI GOVERNMENT BUILDINGS FROM 1 OCTOBER, 1981 TO 31 JUNE, 1982.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Preventive Maintenance of York Air Conditioning Equipment in Brunei Government Buildings'.
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. **TENDER No. SSU/189/81**
   **CATEGORY 15**
   Provision of Heavy-Duty Forklift Truck with operator.
2. **TENDER No. LEN/182/1981**
   **CATEGORIES 6 & 32**
   Installation of spray rings and nozzles on C2/C3 storage tanks T4301/02.
3. **TENDER No. EPS/190/81**
   **CATEGORIES 4 & 32**
   Widening of excess road at F-19.
4. **TENDER No. EPS/191/81**
   **CATEGORIES 9 & 32**
   The construction and installation of pipework for location G-26/6 flowline and gas lift line to T.G. 5H.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI FITAR TINGKAT I DI-JABATAN LAUT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Fitar Tingkat I di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 27 tahun dan mempunyai sekurang2-nya sapuloh tahun pengalaman praktikal bekerja sa-bagai fitar mekanik atau fitar kejuruteraan laut.

b) Pemohon2 mesti-lah boleh memahami pelan2 lukisan kejuruteraan.

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan kejuruteraan laut dan chara2 menggunakan-nya.

d) Pemohon2 mesti-lah tahu menggunakan perkakas dan lain2 alat kejuruteraan yang di-gunakan di-dalam sa-sebuah workshop kejuruteraan. Mereka mesti-lah boleh membaiki injin2 diesel marine yang besar-nya sa-hingga 225 Brake Horse Power.

e) Chalon2 akan di-kehendaki menjalani satu Ujian Pertukangan untok menentukan kechekapan mereka sa-bagai Fitar Kejuruteraan. Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bertugas di-mana2 saja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

E.1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang2 yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/1075/73)
(Bil : 139/1981)

## Sa-bagai Guru Jururawat Kelinik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Guru Jururawat Kelinik di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Kelulusan jururawat yang di-iktiraf oleh General Nursing Council of England, dan sa-baik2-nya mempunyai Sijil Perbidanan Division satu atau kelayakan yang sebanding.

b) Mesti-lah mempunyai Clinical Instructor's Certificate daripada sa-sebuah badan latehan yang di-iktiraf dan mempunyai sekurang2-nya dua tahun di-bidang latehan.

**Tangga Gaji :**

M. 11 — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-3495 / EB / 2480 - 2565-2650-2735-2820. Gaji permulaan berganting kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb September, 1981.

(E/326/78 — Bil : 138/1981)

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 99 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG SUNGAI HANCHANG, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 100 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for :—

THE CONSTRUCTION OF DRAINAGE SYSTEM AND FOOT PATH FOR PROPOSED WIDENING OF JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 101 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF R.C. DRAIN, SUB-SOIL DRAIN AND GABION WALL ETC AT BERAKAS POLO FIELD, BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 102 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF DRAINAGE SYSTEM AND ANCILLARY WORKS AT ACCESS ROAD TO THE STAFF HOUSING FOR PLACE OF DETENTION, OFF JALAN TUTONG MILE 10, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 103 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF PHASE IV 4 BLOCKS CLASS 'C' FLATS AND OTHER WORKS AT KAMPONG ANGGEREK DESA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 104 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st September, 1981 for :—

CONSTRUCTION O[illegible] PROPOSED RIVER RE[illegible]TAINING WALL ALONG GRAVE YARD AT JET[illegible]TY No. 6 ALANGAN DAMIT, BRUNEI.

Tender documents and a[illegible] particulars may be seen at t[illegible] office of Public Works Depar[illegible]ment, Bandar Seri Begawa[illegible] Brunei.

### No. 105 OF 1981

TENDERS will be receiv[illegible] from Class "A" only P.W.[illegible] Brunei registered contract[illegible] by Tenders Board, Brun[illegible] up to 12.00 noon [illegible] 1st September, 1981 for :—

SUPPLY AND DELI[illegible]VERY OF CRUSHER RUN STONES TO JA[illegible]LAN LIMAU MANIS LUMAPAS, BRUNEI[illegible] MUARA DISTRICT.

Tender documents and a[illegible] particulars may be seen at t[illegible] office of Public Works Depar[illegible]ment, Bandar Seri Begawa[illegible] Brunei.

### No. 106 OF 1981

TENDERS will be receiv[illegible] from Class "B" and abo[illegible] P.W.D. Brunei registered co[illegible]tractors by Tenders Boar[illegible] Brunei up to 12.00 noon [illegible] 8th September, 1981 for:—

ALTERATION ON ELE[illegible]VATION TO RELIGI[illegible]OUS DEPARTMENT HEADQUARTERS BAN[illegible]DAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and a[illegible] particulars may be seen at t[illegible] office of Public Works Depar[illegible]ment, Bandar Seri Begawa[illegible] Brunei.

## TENDER NOTICE

### SITE CLEARANCE AND EARTHWORKS FOR THE PROPOSED SECONDARY SCHOOL BANGAR TEMBURONG

1 TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, from P.W.D. registered Class 'A' Contractors for the Site clearance and earthworks of the Proposed SECONDARY SCHOOL BANGAR TEMBURONG up to 12.00 noon Tuesday 1st September 1981.

2 Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3 Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR SITE CLEARANCE AND EARTHWORKS AT THE SITE OF THE SECONDARY SCHOOL BANGAR TEMBURONG."

4 Tender documents may be obtained from and/or inspected at the office of the ARCHITECTS Billings Leong and Rex Koh, Suite 43 Britannia House, 38 Jalan Cator, Bandar Seri Begawan from Wednesday 19th August 1981 during normal office hours.

5 The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to return the tender document to the Architect before closing date.

6 Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.

7 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## UNSERVICEABLE VEHICLES AND SCRAP

### LOT 69

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 10.00 am., 5th September 1981 for the undermentioned unserviceable vehicles and scrap.
2. Tenders received after this time will be rejected.
3. Vehicles and scrap may be viewed in RSSD Logistics Depot Compound, Bolkiah Camp until 11.00 a.m. 4th September 1981.
4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. Envelopes must be addressed to the Chairman Tenders Board, the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan and must be clearly marked on the top of the envelope with the Lot number (Lot 69, RBMR).
6. Any tenders received in an envelope not properly addressed will be rejected.
7. Vehicles and scrap are offered for sale "As Lying" and must be removed from present site by successful tenderer within 14 days notification.
8. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

| Ser No. | Items | Qty |
|---|---|---|
| 1 | Toyota Fork Lift | 1 |
| 2 | Water Bowser 2000 Glns (Tanker) | 1 |
| 3 | ½ Ton Cargo Trailer | 1 |
| 4 | ¾ Ton Cargo Trailer | 1 |
| 5 | Scrap Metal | 6 Tons |

## TENDER NOTICE

### PROPOSED VIP HOUSING, JALAN KEBANGSAAN CONSTRUCTION AND COMPLETION OF EARTHWORK, ACCESS ROAD AND OTHER ASSOCIATED WORKS

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class 'A' Contractors for the above works up to 12.00 noon, 8th September 1981. (Tuesday).
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "PROPOSED VIP HOUSING, JALAN KEBANGSAAN — TENDER FOR CONSTRUCTION AND COMPLETION OF EARTHWORK, ACCESS ROAD AND OTHER ASSOCIATED WORKS."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, F11, Seri Temasek, Seri Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 1st September 1981 during normal office hours.
5. The tender deposit will be B$10,000.00 (Brunei Dollars : Ten thousand only) in the form of Bank draft in favour of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer and the deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

The Tender Deposit will be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### BANDAR SERI BEGAWAN WATER SUPPLY — STAGE III CONTRACTOR No. 23 JERUDONG BOOSTER PUMPING STATION AND SERVICE RESERVOIR CIVIL WORKS

TENDERS are invited from PWD registered Class A civil engineering Contractors for the construction of a booster pumping station, office and store at Jalan Jerudong and a circular reinforced or prestressed concrete service reservoir of one million gallons capacity together with an access road, pipework, drainage and associated works.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers,

Watson Hawksley Asia
Room 40, Hongkong Bank Chambers
Bandar Seri Begawan
Brunei

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$1,000 payable to Government of Brunei. The deposit will be refunded to every tenderer who submits a bona-fide but unsuccessful tender, but not to the successful tenderer.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on Monday, 12th October, 1981.

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis2 (night-soil) sabanyak 274 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 299 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Januari hingga Jun, 1982).

2. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat Kerajaan, Bandar Seri Begawan sa-hingga jam 4.00 petang pada hari Isnin, 5hb Oktober, 1981. Tawaran yang di-terima sa-sudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mseti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutop. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampol2 surat itu mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat itu da[illegible] perkataan-nya mesti-lah "PE[illegible]KERJAAN MENGANGKA[illegible] DAN MEMBUANG NAJ[illegible] DI-DALAM KAWASAN LEMBAGA BANDARA[illegible] KUALA BELAIT DAN S[illegible]RIA.' Tawaran2 yang d[illegible]terima dalam sampol2 sur[illegible] yang tidak di-alamatkan d[illegible]ngan betul akan di-tolak.

6. Surat perjanjian menga[illegible]dongi peratoran2 atas me[illegible]jalankan pekerjaan mengan[illegible]kat dan membuang najis dap[illegible] di-lihat di-Pejabat Lemba[illegible] Bandaran, Kuala Belait pa[illegible] bila2 masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat u[illegible]tok menerima tawaran ya[illegible] sa-habis rendah atau sebara[illegible] tawaran.

8. Dua buah kenderaan kh[illegible] dengan dua pemandu ak[illegible] di-sediakan oleh Jabatan Le[illegible]baga Bandaran Belait, unt[illegible] melaksanakan pekerjaan m[illegible]ngangkat dan membuang na[illegible] itu dengan tidak di-kenaka[illegible] apa2 bayaran.

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan bagi Pajakan Rumah Persinggahan Kerajaan, Kuala Belait untok tiga tahun (1982, 1983 dan 984).

2. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan sa-hingga 4.00 petang pada hari Isnin, 5hb Oktober, 1981. Tawaran2 yang di-terima sa-sudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat biasa yang bertutop. Maka di-muka surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamat kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penoh saperti di-terangkan di-fasal 2).

5. Kerja yang di-tawark[illegible] mesti-lah di-sebutkan denga[illegible] terang di-atas sampol surat it[illegible] dan perkataan-nya mesti-la[illegible] "PAJAKAN RUMAH PER[illegible]SINGGAHAN KERAJAAN KUALA BELAIT". Tawara[illegible] yang di-terima dalam sam[illegible]pol2 surat yang tidak d[illegible]alamatkan dengan betul aka[illegible] di-tolak.

6. Tawaran2 yang berjay[illegible] ada-lah di-kehendaki men[illegible]adakan makanan halal da[illegible] pandai memasak makanan sa-chara Timor dan Barat.

7. Sa-belum-nya menghan[illegible]ta: tawaran2 penawar2 ada-la[illegible] di-nasehatkan supaya meliha[illegible] surat perjanjian mengandon[illegible] peratoran2 atas menjalanka[illegible] pekerjaan menjaga Ruma[illegible] Persinggahan Kerajaan, Ku[illegible]la Belait di-Pejabat Lemba[illegible] Bandaran, Kuala Belait pa[illegible] bila2 masa bekerja.

8. Kerajaan tidak teri[illegible] untok menerima tawaran ya[illegible] sa-habis rendah sekali atau s[illegible] barang tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

ERMOHONAN2 ada-lah di-elawa daripada chalon2 yang erkelayakan untok memenohi watan2 kosong yang berikut -Jabatan Perubatan dan Ke-atan, Brunei.

KETUA JURURAWAT PERBIDANAN :

**elayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari Jururawat2 yang berkelayakan S.R.N. dari United Kingdom, atau layak untok di-daftarkan sademikian.

Mesti-lah mempunyai Sijil Perbidanan.

Mesti-lah berkelayakan sabagai Pengajar Perbidanan.

Sa-baik2-nya pemohon hendak-lah juga boleh mengajar dalam bahasa Melayu basahan sa-hari2.

**ugas2 :**

Mengetua Sekolah Latehan rbidanan di-mana Bidan2 elateh di-beri latehan untok emperolehi Sijil Perbidanan ivision I dan II.

**angga Gaji :**

M .11 — B$1670-1754-1820-95-1975 - 2055 - 2140 - 2225-310-2395 · EB / 2480 - 2565 - 50-2735-2820. Gaji permuan bergantong kapada kelaakan2 dan pengalaman.

KETUA JURURAWAT PENGAJAR PERBIDANAN KELINIK :

**elayakan2 :**

S.R.N. dan S.C.M. yang dierima untok di-daftarkan di-Singapura dan Malaysia dan mempunyai Midwifery Tutor's Diploma. Sa-baik2-nya boleh bertutor dalam Bahasa Melayu.

**Tangga Gaji :**

M. 11. — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. KETUA JURURAWAT :

**Kelayakan2 :**

a) S.R.N. dari Singapura atau Malaysia atau dari lain2 negeri yang di-iktiraf oleh General Nursing Council of England.
b) Sijil Perbidanan Division I dari Federation of Malaysia atau dari Singapura atau yang sebanding dengan-nya.
c) Sa-baik2-nya, tetapi tidak semesti-nya, pemohon hendak-lah mempunyai pengetahuan bahasa Melayu untok melaksanakan tugas2 mereka.
d) Keutamaan akan di-beri kapada kakitangan yang sedang berkhidmat.

**Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah telah berkhidmat sekurang2-nya salama 10 tahun sa-bagai Jururawat Staff, sa-baik2-nya dalam semua bidang kerja2 jururawat.

**Tangga Gaji :**

M. 11 — B$1670-1745-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310--3495 / EB / 2480 - 2565-2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb September, 1981.

(E/328/61)
(Bil : 132/1981)

## Sa-bagai Penolong Operesen Rendah

ERMOHONAN2 ada-lah di-elawa daripada chalon2 yang rdiri dari raayat D.Y.M.M. ltan untok memenohi jawa-n kosong sa-bagai Penolong peresen Rendah di-Radio alivishen Brunei.

**elayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama satu tahun disesuatu bahagian teknikal RTB dalam jawatan Pelateh Teknikal atau membuat tugas2 yang sama dalam jawatan bergaji hari.

Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya 3 matapelajaran dalam pepereksaan G.C.E. perengkat biasa termasok-lah mata-pelajaran Ilmu Hisab, atau kelulusan yang sebanding.

Chalon2 mesti-lah memperolehi laporan yang memuaskan dari ketua bahagian masing2 dan dapat memboktikan pengetahuan yang menchukopi dalam kerja2 khusus yang telah mereka laksanakan itu.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/958/74—Bil : 142/1981)

## Sa-bagai Penolong Sekerip

ERMOHONAN2 ada-lah di-elawa daripada chalon2 yang rdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa- kosong sa-bagai Penolong Sekerip (Talivishen Pendidekan) Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

*Lulus* tiga mata-pelajaran (termasok mata-pelajaran Bahasa Inggeris) dan kredit dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu Perengkat 'O' *faseh menulis dan bertutor* Bahasa Inggeris serta mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman bekerja dalam sa-buah Jabatan Kerajaan dan berkebolehan dalam kerja2 taip menaip.

**Tugas2 :**

Membantu penerbit mengendalikan semua kerja2 yang berkaitan dengan penerbitan sama ada di-studio dan di-luar studio. Boleh menaip sekerip dan membuat perhubongan melalui talipon dan surat menyurat. Bersedia keluar bersama2 penerbit untok menchari bahan dan mengambil penggambaran di-luar.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/486/75—Bil : 143/1981)

## Sa-bagai Pegawai Gigi di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa untok di-lantek kajawatan Pegawai Gigi di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai salah satu daripada kelulusan2 yang berikut:—

a) L.D.S./B.D.S (Singapura) atau
b) B.D.S. (Malaya) atau
c) Sebarang ijazah diploma atau lesen yang di-iktirafkan sa-bagai membolehkan ia di-daftarkan oleh General Dental Council di-United Kingdom.

**Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah beberapa tahun pengalaman. Mempunyai pengalaman dalam Perkhidmatan Rawatan Gigi kasekolah2 ada-lah merupakan satu kelebehan. Semua butir2 mengenai kerja2 lateban (post graduate work) hendak-lah disebut sa-masa memohon.

**Tugas2 :**

Tugas termasok-lah memberi rawatan di-sekolah2, rumah2 sakit serta kelinik2 gigi bergerak.

**Tangga Gaji :**

M. 16 — B$2830-2905-2980-3055-3135 - 3210 - 3285 - 3370-3455 - 3540 - 3640 - 3740-3840-3940. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek sa-lama tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb September, 1981.

(E/141/63/2)
(Bil : 141/1981)

## DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

i) IMAM 1 Jawatan—Bagi Masjid Kampong Lumapas, Brunei.
ii) KHATIB 1 Jawatan — Bagi Masjid Setia Ali, Brunei.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan masjid2 yang berkenaan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor tidak kurang dari 20 tahun.
b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
c) Hendak-lah tahu dan mahir dalam membacha Al-Kor'an.
d) Hendak-lah mahir dalam menyempurnakan mayat.
e) Hendak-lah tahu dan mahir dalam bertahlil dan bachaan2 doa.
f) Hendak-lah tahu dan mahir dalam berkhutbah.
g) Hendak-lah mengetahui hukum2 khas-nya dalam perkara2 bersuchi, sembahyang, zakat dan puasa dengan baik.
h) Hendak-lah tahu hukum2 mengenai dengan nikah kahwin.
i) Hendak-lah pandai berzikir.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji yang berikut:—

i) Jawatan IMAM — D.2-3 EB.4 — $515-535-555-580 - 605 - 630-655 - 720-755 - 790 - 825-860 - 900/EB/980-1010-1040-1070-1105-1140-1175. ATAU D.4-5 EB.6—$980-1010-1040 - 1070 - 1105-1140 - 1175 - 1200 - 1230-1260 - 1290 / EB / 1320 - 1350-1380-1410.
ii) Jawatan KHATIB — D.2-3 EB.4 — $515-535-555-580 - 605 - 630-655 - 720-755 - 790 - 825-860 - 900/EB/980-1010-1040-1070-1105-1140-1175. ATAU D.4-5 EB.6—$980-1010-1040 - 1070 - 1105-1140 - 1175 - 1200 - 1230-1260 - 1290 / EB / 1320 - 1350-1380-1410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/311/72)
(Bil : 140/1981)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION TESTING AND COMMISSIONING OF KITCHEN EQUIPMENT TO PROPOSED OFFICER'S MESS — PENANJONG CANTONMENT

REGISTERED Class 'A' and above Electrical Contractors Registered with the Electrical Department, Brunei are invited to submit tender for the complete supply and installation of Kitchen Equipment to Proposed Officer's Mess — Penanjong Cantonment.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 and 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 13th Aug., 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 8th September, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF KITCHEN EQUIPMENT TO PROPOSED OFFICER'S MESS—PENANJONG CANTONMENT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### COLDROOM INSTALLATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

REGISTERED Class 'B' Air Conditioning Contractor and Specialist Coldroom Contracor are invited to submit tender for the complete supply and installation of Coldroom Services to Proposed Flight Kitchen Extension at Brunei International Airport.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 12th August, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 1st September, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—TENDER FOR COLDROOM INSTALLATION TO PROPOSED FLIGHT KITCHEN EXTENSION AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received up to 12.00 noon on 22nd September 1981 by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei registered Class A Contractors who are capable of earthworks, turfing, precast concrete walling and pressure grouting for the Civil Engineering Remedial Works at the Radio Television Brunei Transmitting Station at Andulau Ridge.
2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering contractor and must be addressed to the Chairman, Tenders Board and marked : RADIO TELEVISION BRUNEI, ANDULAU TRANSMITTER STATION, CIVIL ENGINEERING REMEDIAL WORKS.
4. Tender documents may be inspected and obtained from the Consulting Engineers.

Cooper Macdonald and Partners,
210 Perdana Complex,
1¼ Mile, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.
Telephone : 02-20499

from Wednesday 26 August 1981.

5. The tender deposit will be $1,000.00 (Brunei Dollars One Thousand Only) which will be refunded in full to each unsuccessful tenderer who submits a bona fide tender.
6. Before being provided with tender documents, tenderers will be required to prove that they are registered Class 'A' Contractors with the Public Works Department, Brunei able to carry out the works.
7. Tenders must be submitted on the approved form. Qualified tenders will not be considered.
8. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchetak buku2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei saperti berikut:

1 **Pakatan**
2 **Tatara'ayat Darussalam, Buku 2**
3 **Tatara'ayat Darussalam, Buku 5**
4 **Chator Permainan Diraja**
5 **Tali Kikek Tali Teraju.**

1 penentuan2 (specifications) mengenai buku2 ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat di-buka.

2 Tawaran hendak-lah dimasokkan di-dalam sampul tertutop dengan perkataan2 TAWARAN MENCHETAK BUKU2 DBP di-bahagian atas sebelah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

tidak lewat dari hari Isnin, 21hb September, 1981.

3 Kerajaan tidak terikat kapada mana2 atau kapada tawaran yang paling rendah.

## Penghargaan

Dari muka 1

Baginda Yang Dipertuan juga menyatakan penghargaan dan terima kaseh Baginda kapada semua pehak yang berkenaan di-daerah itu yang telah bersusah payah mengator berbagai-bagai upachara bagi menyambut keputeraan Baginda yang ke-35 tahun.

"Beta berdoa semoga segala usaha yang di-buat itu akan di-terima oleh Allah s.w.t. sa-bagai satu amalan yang di-redhai-Nya," titah Baginda Yang Dipertuan.

## Sifat jujor

Dari muka 1

"Ini-lah sikap pegawai2 yang di-perlukan oleh Negeri Brunei yang sedang membangun ini, sifat jujor lagi amanah yang berusaha bersunggoh-sunggoh untok memajukan Negeri Brunei Darussalam ini."

### TERIMA KASEH

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menyatakan penghargaan dan terima kaseh Baginda kapada semua pehak yang telah bersusah payah pada menyusun dan menjayakan berjenis2 upachara perayaan bagi menyambut hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda ke-35 tahun.

Baginda Yang Dipertuan telah berangkat ka-Daerah Tutong pada hari Selasa 18hb Ogos; ka-Daerah Temburong pada hari Khamis 20hb Ogos dan ka-Daerah Belait pada hari Ahad 23hb Ogos untok menerima tabek kehormatan sempena Hari Keputeraan Baginda kali ke-35 tahun.

## Melahirkan sa-orang Putera

**MENJUNJONG sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin ada-lah dengan amat sukachita di-umomkan bahawa Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Norhayati, isteri kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, dengan izin Allah telah selamat melahirkan sa-orang putera, pada kira2 pukol dua petang hari Khamis, 19hb Shawal 1401, bersamaan dengan 20hb Ogos 1981.**

## Hadhiri sidang WCOTP di-N.Z.

BANDAR SERI BEGAWAN. —Dua orang wakil Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei kini berada di-New Zealand untok menghadhiri sidang di-Wellington.

Dayang Hajjah Misli bte Haji Awang dan Dayang Norsiah bte Haji Mohammad akan menghadhiri Persidangan Sa-rantau Asia dan Pasifik Selatan WCOTP yang ke-8. Persidangan sa-lama lapan hari bermula hari ini.

# DAERAH BELAIT TERUS BERKEMBANG MAJU

**Oleh: Aisah Piee**

KUALA BELAIT. — Dalam menitek beratkan keperluan dan kesenangan raayat dan pendudok di-daerah ini, terutama sekali yang tinggal di-mukim2 pendalaman, Kerajaan Kebawah DYMM telah dan sedang melaksanakan beberapa projek kemajuan yang bertujuan bagi meningkatkan lagi taraf hidup mereka.

Antara kemajuan2 yang berfaedah itu termasok perkembangan dalam sistem perhubongan baik sa-chara talipon mahupun persuratan di-mana Pejabat Pos di-daerah itu telah pun meninggikan lagi taraf perkhidmatan-nya dengan mengadakan pengiriman surat sa-chara 'express' dan 'berekod' serta mengadakan wakil2 pos di-mukim dan kampong2 pendalaman.

### DI-TAMBAH

Demikan telah di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss Ibnu Almahrum Pengiran Temanggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad ketika menyembahkan uchapan keshukoran di-Istiadat Mengadap sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan kali ke-35 tahun di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada hari Ahad lepas.

Di-segi perkhidmatan dan perhubongan melalui talipon pula, Pegawai Daerah itu menyembahkan bahawa Jabatan Talikom telah pun berusaha memenohi kehendak2 raayat dengan mengadakan tempahan lebeh dari 1,500 talian talipon dalam tahun 1981.

### SISTEM RADIO

Di-samping itu, sembah Pengiran Idriss, jabatan ini juga telah menggunakan sistem radio New Micro West yang boleh memberikan perkhidmatan yang chukop memuaskan kapada pendudok2 di-kawasan2 pendalaman saperti di-Sungai Tujoh, Badas dan Andulau yang mana akan dapat di-gunakan sa-baik2 sahaja bekalan letrik di-perolehi.

Kerja2 pada memberikan kemudahan yang tertentu kapada raayat dan pendudok di-kawasan pendalaman, sembah Pengiran Idriss juga sentiasa di-ungkayahkan saperti membena dan memelihara jalan2 kechil dan membersehkan anak sungai.

Dalam usaha2 meninggikan taraf hidup pendudok2 di-pendalaman, kerajaan, sembah Pegawai Daerah melalui jabatan2 tertentu tidak kendor2-nya memberikan kerjasama, semangat dan dorongan serta membimbing orang2 kampong dalam projek memelihara ikan, penanaman lada hitam dan sa-bagai-nya.

Dalam ranchangan pembangunan negara lima tahun sa-buah Balai Bomba kekal yang lengkap dengan perumahan pegawai2-nya yang boleh menampong kira2 25 orang kini sedang di-bena. Sa-lain dari itu, jabatan ini juga telah di-bekalkan dengan beberapa jentera yang moden untok meninggikan lagi taraf perkhidmatan Bomba dalam menghadapi sa-suatu kebakaran.

Di-Istiadat tersebut, Pegawai Daerah Belait juga telah menyembahkan taat setia, kejujoran serta keikhlasan raayat dan pendudok di-daerah itu dalam memberikan kerjasama yang penoh erat dalam apa jua seruan Kerajaan Baginda.

### BANTUAN WANG

Raayat dan pendudok daerah Belait dalam menyahut seruan Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, sembah Pengiran Idriss, telah menyumbangkan derma kilat yang berupa makanan dan bantuan wang berjumlah lebeh dari ¼ juta ringgit, sa-bagai bantuan kapada mangsa2 kebakaran, orang2 chachat, anak2 yatim dan sa-bagai-nya.

Yang Berbahagia Pegawai Daerah Belait, yang mewakili pegawai2 Kerajaan, raayat dan pendudok2 di-daerah itu telah menyembahkan do'a restu dan kaseh sayang yang tidak berbelah bahagi semua pegawai2 dan kakitangan2 Kerajaan, raayat, dan pendudok yang berbilang kaum di-daerah itu.

# PGGMB sedia berikan kerjasama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam menuju ka-ambang kemerdekaan 1983, Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) bersedia pada memberikan apa2 jua usaha dan kerjasama kapada Kebawah DYMM dan Kerajaan Baginda.

Demikian ikrar yang telah di-sembahkan oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Suni bin Haji Idris di-Majlis Keshukoran anjoran PGGMB sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan kali yang ke-35 tahun yang telah di-adakan di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis di-sini pada malam Ahad lepas.

"Hamba2 Duli Tuan Patek juga sedar bahawa kemerdekaan membawa makna tanggong-jawab yang bukan rengan dan bukan-lah titik penghabisan bagi bersenang lenang malah titik permulaan bagi raayat di-negeri ini untok mengembeling seluroh tenaga dan usaha untok memberi makna kemerdekaan yang di-tunggu2kan itu," sembah Awg Haji Suni.

Mengenai hasrat Kebawah DYMM untok menjadikan Brunei Darussalam sa-buah negara yang beridentitikan Ke-Bruneian dan Islam sa-bagai satu chorak hidup yang lengkap, Awang Haji Suni menyembahkan yang PGGMB akan tetap berdiri tegoh di-belakang Kerajaan Baginda pada mengekalkan kedua2 hasrat Baginda itu berjalan dengan baik dan sempurna di-negeri ini.

Berkaitan dengan chita2 luhor ini, Awang Haji Suni menyembahkan uchapan terima kaseh kapada Kerajaan Kebawah DYMM kerana telah berkenan meluluskan Dasar Pelajaran Baru yang berkuat kuasa pada tahun 1972 yang mana antara lainnya ia-lah mengenai pengajian tinggi di-Brunei.



**Awang Haji Suni beruchap di-majlis keshukoran anjoran PGGMB.**

"Hamba2 Duli Tuan Patek sa-bagai pendidek di-negeri ini mengalu2kan chita2 yang termaktub dalam dasar pelajaran baru itu dan mengenai pengajian tinggi patut-lah di-kaji dengan mendalam dengan satu fahaman bahawa identiti Ke-Bruneian dan Islam sa-bagai chorak hidup yang lengkap itu hanya akan dapat di-tanam dan tumboh dalam institusi2 pendidekan terutama sekali yang lahir di-bumi Brunei ini," sembah Yang Dipertua PGGMB itu.

Menyentoh mengenai dengan PGGMB pula, Awang Haji Suni seterus-nya menyembahkan bahawa PGGMB kini berusia 44 tahun dan merupakan sa-buah persatuan yang tertua di-negeri ini dan mempunyai keahlian yang terdiri dari seluroh lapisan masharakat yang bertanggong-jawab sa-chara langsong mengenai pengurusan pendidekan dan persekolahan.

Berdasarkan lima prinsip yang termaktub dalam undang2 PGGMB, Awang Haji Suni menyembahkan bahawa usaha2 kebajikan untok ahli2 dan masharakat tetap terus di-usahakan dan di-jalankan terutama sekali pada mendidek anak2 bangsa dengan sa-penoh daya dan tanggong-jawab saperti yang di-lambangkan oleh sa-buah ubor yang berchogan kata 'ILMU PELITA HIDUP'.

"Bagaimana pun dalam mengungkayahkan usaha2 pendidekan kapada anak2 bangsa, Hamba2 Duli Tuan Patek tetap memahami dan merasa bahawa tugas2 dan usaha2 ka-arah yang di-chita2kan itu belum lagi terlaksana saperti yang di-maksudkan dan di-hasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek," sembah Yang Dipertua PGGMB.

Akan tetapi, sembah Awg Haji Suni selanjut-nya, dengan berkat galakan dan penghargaan dari Kerajaan Baginda segala keadaan yang belum menyenangkan itu akan beransor2 menjadi lebeh baik dan usaha guru2 akan lebeh bermakna dan berkesan lagi.

Awang Haji Suni juga menyembahkan ikrar taat setia Ahli2 PGGMB yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda.

# $100,000 sumbangan P.P.W. untok dermasiswa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah telah berkenan mengorniakan sumbangan sa-banyak $100,000 untok dermasiswa bagi penuntut2 melanjutkan pelajaran di-luar negeri.

Dermasiswa tersebut ada-lah hanya bagi kursus ijazah, ikhtisas dan separoh ikhtisas. Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, lulus dalam Bahasa Inggeris Perengkat Biasa atau sebanding dengan-nya dan mesti-lah mempunyai tempat atau telah di-terima oleh pehak universiti.

Pemohon2 yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing2.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Bahagian Dermasiswa Jabatan Pelajaran. Permohonan2 hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 10hb September depan.

# Timbalan wakil K'jaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan melantek Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, Pegawai Pentadbir Kanan, sa-bagai Timbalan Wakil Kerajaan di-London.

Sa-belum ini Awang Hj Jaya telah pun bertugas di-London sa-bagai Pegawai Pengambilan sejak bulan Januari tahun ini.

Dengan lantekan baru itu, Awang Haji Jaya di-samping menjalankan tugas2 pengambilan, akan mengapit dan membantu Yang Berhormat Pehin Datu Pattingi Maha Kornia Diraja Dato Seri Utama Sir Dennis White, Wakil Kerajaan di-London dalam menjalankan tugas seharian Yang Berhormat Pehin itu.

Sementara itu Pengiran Aliuddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar, Pegawai Pentadbir Tingkat Satu, telah di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok di-hantar dan bertugas di-Pejabat Wakil Kerajaan Brunei di-London.

Pengiran Aliuddin akan membantu Awang Haji Jaya dalam tugas pengambilan.

Pengiran Aliuddin di-jangka berlepas ka-London dalam bulan September depan.

# Pmk. Timbalan Ketua J.P.D.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dato Paduka Hj Ali bin Haji Mohd Daud yang telah pulang baru2 ini, kini di-tempatkan di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik sa-bagai Pemangku Timbalan Ketua Jabatan tersebut.

Dato Paduka Haji Ali pulang pada 14hb Ogos yang lalu sa-telah mengikuti kursus di-Universiti Oxford sa-lama sa-tahun.

Sa-masa kursus Dato Paduka Hj Ali mengikuti tiga matapelajaran utama ia-itu Undang2 Antarabangsa, Politik Antarabangsa, Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa serta perkara yang berhubong dengan diplomasi, penghurian politik dan hal ehwal semasa.

Dato Paduka Haji Ali juga telah berkesempatan melawat dan memerhati pentadbiran Kementerian Perdagangan, Jabatan Luar dan Komanwel, Pehak Berkuasa Penerbangan Awam, Sharikat Penerbangan British di-Britain dan juga Pertubohan Antarabangsa saperti EEC, NATO, GTT dan beberapa surohanjaya serta kedutaan British di-seberang laut.

# Memerhati pengendalian urusan haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama yang di-pinjamkan sa-chara sementara ka-Jabatan Diplomatik, Haji Malai Ahmad Murad bin Syed Haji Mashor telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Ahad lepas bagi penempatan sa-lama 10 hari di-Lembaga Urusan Tabong Haji, Malaysia.

Penempatan Haji Malai Ahmad Murad ini telah di-atorkan dengan bantuan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia.

Semasa penempatan tersebut, Haji Malai Ahmad Murad akan memerhati tentang pengendalian urusan dan persediaan awal yang di-buat oleh Lembaga tersebut ke-atas jemaah2 yang akan menunaikan fardhu haji.

Sa-lepas penempatan di-Kuala Lumpur itu, Haji Malai Ahmad Murad akan berlepas ka-Saudi Arabia bagi di-tempatkan di-Kedutaan Malaysia dan seterus-nya memerhatikan sa-chara lebeh dekat dalam hal pengendalian urusan2 jemaah haji yang di-kendalikan oleh lembaga tersebut.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.